# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 16 | RABU 22HB APRIL, 1981. | دابو 17 ربيع الاخير 1401 | PERCHUMA


# DYMM SULTAN TERIMA DARJAH KERABAT (D.K.) DARI NEGERI SEMBILAN



KELIHATAN Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei sedang menerima Bintang Kebesaran Darjah Kerabat (D.K.) Negeri Sembilan, yang telah di-sembahkan oleh YAM Tunku Laksamana Tunku Naquiyuddin ibni Tunku Jaafar, putera DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan di-Istana Darul Hana Khamis lepas. Sementara gambar bawah menunjokkan Darjah Kerabat (D.K.) Negeri Sembilan yang telah di-sembahkan kehadapan Kebawah DYMM itu.

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, telah menerima Bintang Kebesaran Darjah Kerabat (D.K.) Negeri Sembilan; yang telah di-sembahkan oleh putera Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Yang Amat Mulia Tunku Laksamana Tunku Naquiyuddin ibni Tunku Jaafar, di-Istana Darul Hana, Khamis lepas.**



Berangkat sama ka-istiadat itu ia-lah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sha'adul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah serta kerabat2 Diraja yang lain.

Terdahulu dari ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, telah menerima Bintang2 Kebesaran dari Raja2 Tanah Melayu, ia-itu: Darjah Kerabat (D.K.) Kelantan dan Darjah Kerabat (D.K.) Johor.

## Rombongan Diraja Negeri Sembilan berangkat pulang

BERAKAS. — Yang Amat Mulia Tunku Laksamana Tunku Naquiyuddin ibni Tunku Jaafar, putera kapada Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan Yang Amat Mulia Tunku Nurul Hayati binte Tunku Bahadur telah berangkat pulang ka-Negeri Sembilan pada pagi Sabtu 18hb April yang lepas.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Norhayati serta kerabat2 Diraja yang lain ada-lah di-antara yang hadhir di-Lapangan Terbang Berakas untok menguchapkan selamat berangkat pulang kapada rombongan Diraja Negeri Sembilan itu.

Hadhir sama mengalu2-kan keberangkatan pulang kerabat2 Diraja Negeri Sembilan itu termasok-lah Pemangku Pesurohjaya Tinggi British, Awang T.H. Malcomson, YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa, Penasehat Umom

Lihat muka 22

## DALAM SA-MINGGU

### Berita2 Bergambar

- ★ Lawatan Kebawah DYMM ka-tiga buah jabatan Kerajaan, ia-itu: Buroh, Sukatan dan Timbangan dan Penjara, lihat muka 10 dan 13.
- ★ Lawatan rasmi rombongan Diraja Negeri Sembilan ka-Brunei, muka 8 dan 9.
- ★ Lawatan Putera dan Puteri2 Diraja ka-Bolkiah Kem, muka 5.
- ★ Tetamu Penerangan terdiri dari pemborong2 bumiputera, muka 6 dan 7.

### Brunei 2 Sabah 0

OTA KINABALU. — Pason Bolasepak Kebangsaan unei telah menewaskan pakan Sabah dengan 2 gol iak berbalas; dalam satu rlawanan Piala Malaysia ng telah di-langsongkan diadium Likas sini Sabtu pas.

Brunei sa-jauh ini telah emperolehi 13 mata dalam 14 rlawanan. Dan Brunei akan rmain hanya dua perlanan lagi ia-itu dengan engganu dan Singapura, ng akan di-langsongkan diunei pada awal bulan Mei pan.

### Pengait ? Pengait ?

BANDAR SERI BEGAWAN. — Berita2 angin yang tersebar di-seluroh negeri Brunei sekarang ini, mengatakan bahawa pengait (pemotong kepala) sedang berkeliaran, adalah berita dan khabar2 angin yang tidak benar dan tidak berasas sama sekali. Ini telah di-tegaskan oleh Pesurohjaya Pulis Brunei, YAM Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid, dalam satu kenyataan-nya baru2 ini.

## DYMM berangkat teruskan lawatan ka-jabatan2 kerajaan

**BANDAR SERI BEGAWAN—Kebawah Duli Yang Maha Mulia** Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, telah berangkat untok meneruskan lawatan Baginda ka-tiga buah jabatan2 Kerajaan, Isnin lepas. Jabatan2 itu ia-lah: Buroh, Penjara dan Sukatan dan Timbangan. Baginda di-iringi oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Penasehat Umom Baginda, YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa.

Keberangkatan Baginda ka-pejabat2 tersebut telah di-sambut oleh Menteri Besar Brunei, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz serta ketua2 dan kaki-tangan jabatan berkenaan.

## Pasokan AMDB di-seru supaya:

# Mendisiplinkan diri dgn chara2 keIslaman

**BOLKIAH KEM. — Anggota Pasokan Askar Melayu Diraja Brnuei telah di-seru supaya mendisiplinkan diri dengan chara2 keIslaman dalam memperjuangkan kerjaya ketenteraan mereka. Memandangkan pasokan ini merupakan satu kumpolan pertahanan Kerajaan Islam yang di-pimpin sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.**

"Kerana, di-mana2 jua angkatan bersenjata di-dunia ini, disiplin merupakan satu faktor yang amat penting dalam memperkukoh dan mempertahankan keselamatan negara dan untok menentang musoh2 Islam," tegas Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa, beruchap sa-jurus sabelum merasmikan Musabaqah Membacha Kitab Suchi Al-Kor'an peringkat Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Menurut Yang Teramat Berhormat itu, disiplin chara Islam yang harus menjadi pegangan bagi sa-tiap anggota tentera ia-lah sentiasa mengamal dan mempraktikkan ajaran2 Islam dalam menjalankan dan memikul kewajipan. Di-samping itu, kata-nya, sa-chara tidak langsong dapat membantu usaha Kerajaan Kebawah DYMM dalam menyebarkan dakwah Islamiah di-negeri ini.

"Ada-lah di-harapkan supaya majlis yang berkebajikan ini akan dapat memupok semangat perpaduan umat Islam dan meninggikan shi'ar ugama Islam serta pada mengukohkan lagi pegangan berugama di-kalangan masharakat Islam di-negeri ini khusus-nya di-kalangan anggota pasokan bersenjata," demikian harapan Yang Teramat Berhormat di-majlis yang telah berlangsong di-Padang Kawad 'A' Pusat Latehan pada malam Jumaat lepas, di-sini.

Musabaqah tersebut yang telah di-hadhiri oleh kira2 500 orang anggota dan keluarga Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei itu, telah di-sertai oleh 10 orang qari dan lima orang qariah. Johan2 qari dan qariah pasokan itu telah terpileh menjadi wakil untok menyertai musabaqah antara Jabatan2 Kerajaan yang beruniform yang akan di-adakan bulan depan. Mereka ia-lah 5263 Serjan Duraman bin Haji Salleh wakil dari Berakas Garrison dan Dayang Maimunah binte Haji Jaafar

Lihat muka 22

### Manis-nya Iman

**"BARANGSIAPA yang suka supaya di-luaskan rezeki-nya serta di-panjangkan umor-nya maka hendak-lah ia menghubongkan silaturrahim." — HADITH Nabi riwayat Bukhari dan Muslim daripada Anas.**

**Pelita Brunei**
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

22HB APRIL, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## BERDISIPLIN SA-CHARA KEISLAMAN

DI-MANA2 jua pun, maka subjek disiplin akan pasti di-ketengahkan memandang kapada peranan-nya yang begitu penting dalam bermasharakat, berbangsa, berugama dan bernegara. Ia-nya di-pandang perlu sa-bagai satu chara kawalan ka-atas sa-tiap anggota atau manusia yang menjiwai chiri2 tersebut.

Di-lapangan ketenteraan, disiplin ada-lah antara chiri2 yang mustahak dan ia ada-lah antara yang di-dudokkan paling atas. Ia mengkehendaki tahap penghormatan yang tinggi dalam mana semua anggota mesti patoh terhadap-nya. Yang tidak patoh terhadap-nya, neschaya akan menerima tindakan2 yang di-anggap wajar dalam meyakinkan tentang betapa disiplin itu mesti di-ingat pada sa-tiap waktu dan mesti di-turut kehendak2-nya kalau ingin di-anggap sa-bagai anggota yang baik.

Sa-tiap organisasi menggariskan dengan bentangan2 yang jelas sa-bagai perinchian2 dari apa yang di-kehendaki oleh disiplin. Dalam banyak disiplin2 yang di-bentangkan dan di-ketahui umom ada-lah menurut fungsi satu2 organisasi itu di-adakan yang rata2 mengkehendaki agar anggota2-nya senantiasa dalam kawalan. Ini merangkumi-lah kapada gerak-laku atau keolahan dan sikap2 yang harus di-lakukan oleh anggota2 itu. Matalamat-nya ia-lah untok menchapai kemunchak kebaikan dan senantiasa terpuji yang dengan sendiri-nya dapat menambahkan keharuman nama sa-sebuah organisasi itu.

Islam memileki chiri2 disiplin yang kental dan sukar di-tandingi oleh disiplin2 yang di-chipta oleh apa jua golongan. Orang2 Islam yang gagal menurut kehendak2 disiplin yang di-tentukan itu akan di-anggap sa-bagai terkeluar dari apa yang di-tuntut oleh Islam. Kerana itu, orang2 Islam yang kuat berpegang kapada disiplin yang di-kehendaki oleh ugama-nya tidak akan mudah di-pengarohi oleh berbagai gejala yang asing dari apa yang di-gariskan oleh disiplin Islam.

SA-CHARA KEISLAMAN

Berdisiplin sa-chara keIslaman ada-lah di-pandang mustahak untok di-ambil perhatian berat oleh mana2 jua pertubohan yang majoriti-nya di-anggotai oleh orang2 Islam sendiri. Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei ada-lah merupakan satu pertubohan yang besar dengan memileki anggota2 Islam yang bukan sedikit jumlah-lah. Keyakinan dapat di-tumpukan kapada pertubohan ini dalam membantu menggemilangkan lagi shi'ar Islam. Sa-lama ini, pertubohan tersebut dapat memboktikan yang ia-nya telah mengorak langkah2 perlu untok mendekatkan lagi anggota2 Islam-nya menyedari kedudokan sa-bagai Umat Islam itu dengan sunggoh2. Ada-lah juga di-yakini yang pertubohan itu bergerak dengan tidak meninggalkan lunas2 keIslaman dan menempatkan-nya di-tempat yang paling atas.

Sa-takat mengenai dengan disiplin, di-yakini bahawa AMDB menarek perhatian dari apa yang di-sarankan oleh Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa. Menurut Yang Teramat Berhormat itu bahawa semangat berdisiplin sa-chara keIslaman harus juga menjadi pegangan kapada sa-tiap anggota pasokan AMDB dalam memperjuangkan kerjaya ketenteraan mereka. Chara-nya ia-lah dengan mengamal dan mempraktikkan ajaran2 Ugama Islam sa-masa menjalankan dan memikul tugas2 dan tanggong-jawab mereka dalam mempertahankan keselamatan negara dan menentang musoh2 di-samping membantu usaha2 Kebawah Duli Yang Maha Mulia untok menyebarkan dakwah Islamiah di-negeri ini.

Yang Teramat Berhormat itu mensifatkan pasokan AMDB sa-bagai yang merupakan satu kumpolan pertahanan Kerajaan Islam ia-itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei. Kedudokan ini ada-lah amat tinggi dalam mana ia-nya juga melibatkan perjuangan untok sama2 menggemilangkan shi'ar Islam itu.

# DALAM MEMPERJUANGKAN KERJAYA KETENTERAAN...



YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa.

*" Semangat berdisiplin sa-chara keIslaman harus juga menjadi pegangan kapada sa-tiap anggota pasokan AMDB "*

SAYA menguchapkan sa-tinggi2 terima kaseh pada pasokan AMDB kerana penghormatan kapada saya, sama2 hadhir bagi memberikan sapatah dua kata dan seterus-nya merasmikan musabaqah membacha Kitab Suchi Al-Kor'an bagi anggota2 askar pada malam ini.

Saya telah di-fahamkan bahawa tujuan musabaqah membacha Kitab Suchi Al-Kor'an yang di-adakan ini ada-lah untok memberikan peluang seluroh anggota pasokan AMDB terutama sekali mereka yang berminat untok mengambil bahagian dalam pertandingan tahunan ini dan seterus-nya memileh qari2 dan qariah2 yang akan mewakili pasokan ini di-dalam pertandingan membacha Kitab Suchi Al-Koran di-antara Jabatan2 Kerajaan Yang Beruniform di-seluroh negeri yang akan di-adakan tidak berapa lama lagi.

### PERPADUAN ISLAM

Saya perchaya, majlis saperti ini akan dapat memupok semangat perpaduan umat Islam di-kalangan anggota AMDB khas-nya dan di-kalangan kaum muslimin di-Brunei am-nya demi untok mengharumkan lagi mertabat Ugama Islam yang maha suchi.

Tidak-lah dapat di-nafikan bahawa disiplin merupakan satu faktor yang amat penting dalam sa-tiap angkatan bersenjata di-mana2 jua di-dunia ini. Tetapi semangat berdisiplin sa-chara keIslaman harus juga menjadi pegangan kapada sa-tiap anggota pasokan AMDB dalam memperjuangkan kerjaya ketenteraan mereka.

Chara-nya ia-lah dengan mengamalkan dan mempraktikkan ajaran2 ugama Islam sa-masa menjalankan dan memikul tugas2 dan tanggong-jawab mereka dalam mempertahankan keselamatan negara dan menentang musoh2 Islam di-samping membantu usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untok menyebarkan dakwah Islamiah di-negeri ini.

### PERTAHANAN KERAJAAN ISLAM

Ada-lah di-harapkan supaya majlis yang di-adakan ini akan dapat menanamkan semangat keIslaman serta meninggikan shi'ar Islam yang akan dapat membawa ka-arah kebahagiaan hidup di-dunia dan di-akhirat di-samping akan dapat memperkukohkan pegangan berugama di-kalangan masharakat Islam terutama sekali di-kalangan anggota pasokan AMDB yang merupakan satu kumpolan pertahanan Kerajaan Islam ia-itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Sekali lagi saya menguchapkan sa-tinggi2 terima kaseh pada pasokan AMDB kerana menjemput saya dan isteri saya ka-majlis yang permai ini. Mari-lah kita sama2 berdoa semoga musabaqah yang di-adakan ini akan dapat menchapai matalamat-nya serta memperolehi kejayaan dan seterus-nya mendapat keredhaan Allah s.w.t. jua di-atas usaha yang berkebajikan ini.



PERGERAKAN Pasokan Beruniform di-kalangan penuntut2 sekolah merupakan saloran yang baik untok membentok watak dan disiplin ka-arah terchapai-nya masharakat yang bersatu padu. Begini-lah pembentokan watak yang di-kehendaki oleh negara.



WAKIL dari Pasokan Kadet Pulis STPRI, Kadet Inspektor Dayang Mariam bte Mohammad kelihatan sedang menerima hadiah kemenangan mereka sa-bagai naib johan.



KPL Musa yang mewakili battalion dalam bahagian lempar lembing kelihatan sedang membuat lemparan. Beliau berjaya mendudoki tempat kedua dalam bahagian tersebut.



GAMBAR atas kelihatan Soldadu Mustadza yang mendudoki tempat kedua dalam bahagian lari 200 meter (kedua dari kanan) sedang menamatkan perlumbaan-nya. Sementara bawah kelihatan L/Kpl Jumat yang telah berjaya mendudoki tempat pertama dalam bahagian lumba lari 110 meter lompat pagar ketika sampai ka-garis penamat.

# RAMAI LAGI PEGAWAI DAN ANGGOTA AMDB KA-SEBERANG LAUT

BERAKAS. — Lebeh ramai lagi anggota2 dari Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan berlepas meninggalkan Brunei untok menjalani berbagai kursus ketenteraan di-seberang laut.

Berlepas ka-United Kingdom hari Sabtu depan, 25hb. April, ia-lah sa-orang pegawai dari Battalion Pertama pasokan tersebut, 86 Kaptan Pengiran Hassan bin PDP Pengiran Haji Apong. Beliau akan mengikuti kursus No. 16MM Pegawai Meriam Katak, selama lebeh kurang dua bulan di-The Support Weapons' Wing, Netheravon, Salisbury.

Sementara itu, dua orang lagi anggota dari Kompeni RHQ, 4132 WO2 Husaini bin Mohammad dan 4331 S/Sgt Tasrif bin Seryati, akan bertolak ka-Hongkong pada hari berikut-nya, 26hb. April bagi mengikuti kursus penempatan selama empat hari di Record Office Brigade of Gurkha Gun Club, Kowloon.

Di-samping itu, pasokan AMDB juga akan menghantar tiga orang pegawai dari Chawangan Udara ka-Jerman Barat pada 29hb. April depan untok menjalani kursus Latehan Penerbangan di-TBA selama sa-bulan.

Mereka ia-lah Lt. Ishak bin Zainal, Lt. Zainal bin Harun dan Lt. Napiah bin Paijan.

Manakala 6372 Pegawai Kadet Ak Rosli bin Pg. Sabli dari Pusat Latehan, kini sedang berada di-United Kingdom bagi menjalani tiga kursus berasingan dalam masa kira2 20 bulan.

Beliau kini sedang mengikuti kursus Latehan Bahasa Inggeris yang telah bermula pada 20hb. April lalu, di-The Bell School of Languages, Cambridge. Sementara kursus kedua yang akan di-ikuti-nya ia-lah kursus Pre SMC (E) bertempat di-Army School of Languages, Park Beaconfield dan kursus ketiga ia-lah kursus RMAS SMC 30 bertempat di-Akademi Tentera Diraja Sandhurst. Kursus beliau di-jangka berakhir dalam bulan Disember, 1982. — AP.



Kpt. Pg. Hassan



WO2 Husaini



S/Sgt Tasrif.

# AMDB JOHAN OLAHRAGA DI-HONGKONG

HONGKONG. — Battalion Kedua telah menempatkan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei di-tempat pertama dalam kejohanan olahraga bagi Yunit Besar Tentera British yang telah berlangsong di-sini baru2 ini.

Kejohanan tersebut telah di-sertai antara lain oleh pasokan2 6GR, 1QO HLDRS, 10GR, 7GR dan Queen Gurkha Engineer.

Antara achara2 yang telah menempatkan Pasokan AMDB ia-lah dalam bahagian2 melempar lembing, lari 200 meter, lari 100 meter dan lari 110 meter iompat pagar.



# *AMDB terima pelawat dari Sekolah St Michael*

PERKHEMAHAN BOLKIAH. — Pusat Pengajian Tentera di-Perkhemahan Bolkiah dan Angkatan Laut di-Muara, pada 14hb. April lalu, telah menerima satu lagi kunjongan sambil belajar oleh saramai 35 orang penuntut Tingkatan Lima Sekolah Misi St. Michael di-Seria, berserta dengan tiga orang guru mereka.

Tempat pertama dalam lawatan penuntut2 tersebut ia-lah Muzium Pasokan, di-mana mereka dapat menyaksikan pameran2 kegiatan di-berbagai chawangan dan sejarah penubohan pasokan tersebut, alat persenjataan dan sa-bagai-nya. Terdahulu dari itu, mereka telah mendengar taklimat dari Pegawai Pengambilan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Maharaja Lela Dato Seri Laila Jasa Leftenan Kolonel Haji Musa.

Sa-lain dari itu, pelawat2 tersebut juga telah menyaksikan pameran dari Battalion Pertama Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dan sa-terus-nya mendengar penerangan mengenai pengunaan radio, senjata, peluru dan meriam katak. Mereka juga di-perlihatkan chara2 menembak oleh WO1 Mohd. Rous di-Padang Tembak Range 25 meter.

Tempat terakhir dalam lawatan mereka di-Perkhemahan Bolkiah ia-lah di-beberapa bahagian Bengkel Pasokan. Di-sabelah petang-nya mereka telah meneruskan lawatan ka-Angkatan Laut yang berpusat di-Muara, bagi mengetahui lebeh lanjut perkembangan dan kegiatan Angkatan Laut dalam tugas-nya mengawal negara.—AP.




PENUNTUT2 Sekolah Misi St Michael sedang mendengar taklimat mengenai pembaikan bagi enjin motor sangkut oleh sa orang pegawai dari Angkatan Laut, dalam lawatan mereka ka-Chawangan Angkatan Laut.

# LAWATAN SAUDARA2 BARU KA-TEMBURONG DAPAT SAMBUTAN

TEMBURONG. — Yunit Khas Gerakan Dakwah Islamiah Daerah Temburong telah menjadi tuan rumah kapada dua kumpolan rombongan pelawat ia-itu Badan Kebajikan Saudara2 Baru Daerah Belait dan Persatuan BAPPI Maktab SOAS pada hari Ahad lepas.

Rombongan pelawat dari Daerah Belait yang mengandongi sa-ramai 55 orang itu di-ketuai oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Awang Mohd Yusof bin Perak. Sementara persatuan kebajikan dari Maktab SOAS ada-lah mengandongi 20 orang penuntut termasok sa-orang guru ugama mengetuai rombongan itu.

### PERJUMPAAN

Sa-jurus ketibaan mereka ka-sini dari Bandar Seri Begawan, mereka telah mengadakan satu perjumpaan sengkat dengan saudara2 baru Daerah Temburong bertempat di-Dewan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah. Dalam majlis itu berbagai-bagai achara telah di-persembahkan termasok bachaan Al-Kor'an oleh Awang Ahmad bin Abdullah, persembahan2 nashid serta uchapan alu2an daripada ketua2 rombongan.

Kemudian mereka telah membuat kunjongan ka-Rumah Panjang di-Kampong Temada, 15 batu dari Pekan Bangar dimana terdapat 20 orang keluarga saudara2 baru tinggal di-situ sa-belum mereka meneruskan perjalanan ka-Kampong Sibut untok menunaikan sembahyang fardhu dzuhor di-Surau Sibut, kedua2 rombongan badan kebajikan itu telah singgah melawat ka-Rumah Panjang Semabat. Lebeh kurang 30 orang saudara2 baru tinggal di-situ yang mengandongi 6 pintu.

### ERATKAN PERSAUDARAAN

Menurut Setiausaha Yunit Khas Gerakan Dakwah Daerah Temburong, Awang Aliuddin bin Haji Yaakub bahawa lawatan tersebut bertujuan untok mengeratkan lagi perasaan muhibbah dan silatur-rahim di-kalangan saudara2 baru di-negeri ini, disamping dapat membuat tinjauan sa-chara dekat tentang perihal kehidupan masharakat saudara2 baru di-kedua belah pehak.

Pelita Brunei di-fahamkan bahawa saudara2 Baru Daerah Temburong akan mengadakan lawatan ka-Daerah Belait sa-bagai membalas lawatan muhibbah Saudara2 Baru Daerah Belait minggu lalu. — JAL.



KUMPOLAN nashid perempuan yang menyertai lawatan ketika mempersembahkan nashid di-majlis meraikan mereka bertempat di-Dewan Sekolah Ugama Pengiran Muda Muhammad Bolkiah.





GAMBAR atas dan bawah para pelawat berjamu bersama tuan rumah di-tempat yang sama.

# Mashuarat Agong Tahunan Persatuan Sengkurong

SENGKURONG. — Setiausaha Agong Persatuan Kebajikan Kampong Sengkurong, Awang Hj. Mohd Tamit bin Haji Mangol telah meminta semua ahli2 persatuan berkenaan supaya menghadhiri Mashuarat Agong Tahunan yang akan di-adakan pada hari Ahad depan, 26hb. April 1981, bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Sengkurong, mulai jam 8.30 pagi.

Mashuarat yang akan di-adakan buat kali ka-18 itu akan di-rasmikan oleh Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein akan di-binchangkan dalam mashuarat itu termasok-lah membentangkan Minit Mashuarat Agong Tahun lalu, membentangkan Penyata Tahunan dan juga membentangkan Penyata Kewangan PKKS bagi tahun 1980/1981.

Majlis tersebut juga akan membentangkan usol2 dari Jawatankuasa Tadbir PKKS 1979/1981, dan sa-terus-nya melantek Jawatankuasa Tadbir persatuan bagi tahun 1981/1983.

Juga terkandong dalam achara di-majlis itu nanti ia-lah uchapan Yang Di-Pertua PKKS dan uchapan Yang Di-Pertua PKKS 1981/1983. Persidangan tersebut akan di-akhiri dengan pembahagian keuntongan Bas BPE. — AP.

# Kampong Jerudong tuboh Sharikat Kerjasama

JERUDONG. — Sa-buah lagi sharikat kerjasama di-Daerah Brunei dan Muara telah di-tubohkan. Sharikat Kerjasama itu di-kenali sa-bagai Sharikat Kerjasama Kampong Jerudong.

Sharikat Kerjasama yang baru itu di-tubohkan di-satu mashuarat yang telah di-adakan di-Sekolah Melayu Jerudong di-sini pada hari Jumaat lepas.

Awang Mahmud bin Haji Bakyr, Pemangku Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama telah hadhir dimajlis itu dan juga telah sempat memberikan uchapan serta memberikan penerangan mengenai dengan undang2 dan peratoran2 sharikat Kerjasama.

Di-dalam mashuarat pada pagi itu di-samping menubohkan sharikat kerjasama, juga bersetuju mengadakan perniagaan stesshen pam minyak sa-bagai chawangan-nya.

Dan pada melichinkan pentadbiran sharikat kerjasama itu berjalan dengan lanchar dan sempurna sa-ramai 13 orang telah di-lantek selaku ahli2 jawatankuasa.

Pendudok2 Kampong Jerudong yang ingin untok menjadi ahli sharikat tersebut boleh-lah mendapatkan borang2 menjadi ahli dan pembelian saham daripada Setiausaha sharikat itu Awang Timbang bin Bakar atau kapada ahli2 jawatankuasa yang lain. — ZUB.

# *PAPP lantek jawatankuasa baru*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama (PAPP) telah mengadakan mashuarat agong-nya kali yang ke-17 yang telah diadakan di-dewan persatuan itu di-ibu negeri baru2 ini.

Mashuarat tersebut telah di-rasmikan oleh Awang Mustafa bin Haji Abdul Rahman, Setiausaha Agong Tertinggi Majlis Belia-Belia Negeri Brunei.

Mashuarat pada hari itu antara lain telah melantek sa-buah jawatankuasa tadbir yang baru. Ketua Kampong Sultan Lama Awang Haji Omar bin Duah telah di-lantek selaku penaong sementara Awg. Sulaiman bin Puteh di-lantek selaku Penasehat.

Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Naim telah di-pileh semula selaku Yang Dipertua. Timbalan-nya ia-lah Awang Mohammad Tahir bin Bakir. Setiausaha Agong disandang oleh Awang Haji Jabidi bin Haji Abd Wahid manakala Timbalan-nya ia-lah Awang Rosli bin Sani. Pengerusi ia-lah Awang Mohammad Zain bin Haji Omar. Awang Zainal bin Md. Hussain juga telah di-pileh semula selaku Bendahari Agong dan Timbalan-nya ia-lah Awang Ishak bin Hamid.

Turut di-lantek semula selaku Ketua Kesenian dan Budaya ia-lah Awg. Jaafar bin Wali dan Awg. Haji Bana bin Sulaiman selaku Ketua Kebajikan dan Ibadah. Jawatan Ketua Pertukangan di-sandang oleh Awang Aji bin Haji Jalil manakala Awg. Abdullah bin Md Hussain di-lantek sebagai Ketua Sokan dan Permainan. Ketua Wanita ia-lah Dayang Noormah bte Majid.

Lima orang ahli jawatankuasa biasa di-lantek. Mereka ia-lah Awang Anuar bin Mohammad Tahir, Awang Jahri bin Bakar, Awang Mohammad Said bin Haji Abdullah, Awang Tuah bin Metussin dan Awang Hanafiah bin Haji Mohammad. Sementara pemereksa kira-kira ia-lah Awang Abbas bin Haji Omar dan Awang Ismail bin Puteh.

Sa-ramai seratus ahli dan anak2 kampong tersebut telah menghadhiri permashuaratan itu yang berakhir dengan bachaan doa selamat yang di-sampaikan oleh Awang Haji Bana bin Sulaiman. — Hasimah HAR.



KELIHATAN Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah sedang di-perlihatkan dengan sa-butir peluru meriam katak yang di-pamerkan di-Muzium Pasokan AMDB, oleh Leftenan Kolonel Haji Musa.



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah bersama dengan YAM Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah sedang memakai peralatan yang di-lengkapkan dalam sa-buah helikopter dan bawah YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Kerabat2 Diraja dan Pengiring2 sedang menyaksikan pameran sambil mendengar penerangan dari Leftenan Kolonel Haji Musa.



# PUTERA DAN PUTERI2 DIRAJA BERANGKAT KA-BOLKIAH KEM

**PERKHEMAHAN BOLKIAH—Putera dan Puteri2 kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, berserta dengan chuchunda2 yang lain kapada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, telah berangkat melawat Pusat Pengajian Tentera di-Perkhemahan Bolkiah pada petang Khamis lalu, 16hb April, 1981.**

Ketibaan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Muta-Wakilah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan Kerabat2 Diraja telah di-alu2kan oleh Pegawai Pengambilan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Yang Di-Muliakan Pehin Datu Maharaja Lela Dato Seri Laila Jasa Leftenan Kolonel Awang Haji Musa bin Haji Ya'akub.

Rombongan Diraja telah di-junjong bagi mengunjongi Muzium Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei bagi menyaksikan pameran2 mengenai dengan kerjaya dan kegiatan chawangan2 pasokan, sejarah penubohan dan pameran alat2 persenjataan.

Putera dan Puteri2 serta Kerabat2 Diraja juga di-junjong bagi menyaksikan pertunjokan dua buah Kereta Perisai dan kelengkapan-nya, yang di-persembahkan oleh Pasokan Peninjau Battalion Kedua serta pertunjokan statik helikopter oleh Chawangan Udara bertempat di-kawasan Muzium dan Padang Bola Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei di-Perkhemahan Bolkiah. Rombongan telah di-alu2kan oleh Leftenan Rahmani dari Pasokan Peninjau dan Major Jocklin dari Chawangan Udara.

Di-Chawangan Semboyan rombongan Putera dan Puteri2 Diraja telah menerima taklimat mengenai dengan penggunaan radio, dan di-berikan peluang menaip dengan menggunakan mesin Sight And Sound yang termoden di-Asia.

Tempat terakhir dalam lawatan tersebut ia-lah Pusat Pengajian Tentera, di-mana rombongan telah di-alu2kan oleh Pegawai Memerintah Pusat Pengajian.

Turut mengiringi rombongan Putera dan Puteri2 Diraja serta anakanda2 saudara kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ia-lah guru2, pengawas, dan pengiring2 Keselamatan. — AP.





PUTERA dan Puteri2 Diraja serta Kerabat2 Diraja dan Pengiring2 mereka sedang menyaksikan pameran alat2 senjata dalam lawatan sa-lama empat jam di-Perkhemahan Bolkiah sementara kanan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan rombongan bergambar sa-waktu menyaksikan perjalanan sa-buah Kereta Perisai.

## *TETAMU PENERANGAN*

# SOKONGAN2 SHELL KAPADA PEMBORONG2 TEMPATAN



PEMBORONG2 tempatan yang menyertai majlis taklimat pada hari tersebut kelihatan mendengar cheramah yang di-berikan.

SHARIKAT Minyak Shell Brunei Berhad di-dalam langkah-nya mengalakkan lebeh banyak lagi penyertaan pemborong2 tempatan membuat kerja2 pengendalian yang di-tawarkan oleh mereka telah melantek sa-orang penasehat atau pun "consultant" yang akan memberikan khidmat-nya khusus untok pemborong2 tempatan tadi.

Maklumat2 serupa ini, peluang2 borongan yang terdapat di-dalam sharikat, pengenalan ahli2 Lembaga Sharikat Minyak Shell, Kriteria yang membawa kapada penganugerahan kontrek dan chara-chara mendaftar untok menjadi pemborong sharikat serta banyak lagi keterangan2 lain telah di-bentangkan oleh pegawai2 Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad kapada kira2 30 orang daripada ahli2 perniagaan tempatan yang mengambil bahagian di-dalam majlis taklimat anjoran Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan bertempat di-bangunan pejabat tersebut Khamis lalu.



AWANGKU Abdul Ghani. Beliau berharap segala pengetahuan yang di-perolehi para peserta di-dalam majlis tersebut akan dapat di-gunakan dalam melichinkan karier mereka.

Majlis pada pagi itu telah di-mulakan dengan uchapan daripada pengerusi majlis, Awangku Abdul Ghani bin Pg. Metussin dan ia-nya di-ikuti dengan satu penerangan pengenalan Bahagian Penerangan yang di-sampaikan oleh Ketua Pegawai Penerangan Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

Dayang Siti Radiah bte Haji Mohammad Yussof, Pegawai Perhubongan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad ketika memberikan penerangan kapada para peserta menjelaskan yang terdapat satu pertambahan yang besar terhadap penyertaan pemborong2 tempatan di-dalam membuat kerja2 yang di-tawarkan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Tahun 1981, menurut Dayang Siti Radiah, adalah merupakan tahun yang mencherminkan langkah positif bagi SMSBB di-dalam memberikan sokongan dan galakan kapada anak2 tempatan untok berkechimpong di-dalam sharikat tersebut.

Pada tahun lepas, Sharikat Minyak Shell mendatangkan sa-orang pakar perniagaan dari luar negeri untok memerhati perkembangan pemborong2 tempatan dan beliau telah mengambil masa selama 68 bulan untok membuat kajian ini.

Sejak tahun 70 hingga 80an ini, terdapat begitu ramai sekali pemborong2 tempatan yang mendaftarkan diri mereka di-dalam katogeri 1 hingga 42 di-dalam sharikat ini dan Shell di-dalam langkahnya memberikan galakan terhadap penyertaan ini telah pun memperolehi sa-orang "consultant" atau-pun penasehat yang di-jangka datang ka-negeri ini dalam bulan September depan.

Khidmat2 yang di-berikan-nya, mengikut Dy. Radiah lagi termasok-lah menjadi "contact point" atau pun pusat perhubongan di-antara sharikat dan pemborong, menolong peniaga2 tempatan menganalisa dan sa-terus-nya menchari penyelesaian masaalah2 yang di-tempohi oleh mereka, menolong di-dalam hal perjalanan buku kira2, rancha-ngan2 pembesaran, soal2 kewangan, menolong di-dalam soal2 surat menyurat dan banyak perkara lain yang di-harap dapat menchapai matalamat ka-arah kemajuan pemborong tempatan.

Awang John Wybrew, Pengarah Teknikal Sharikat yang juga selaku pengerusi Lembaga Pemborong2 Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad tidak juga kurang memberikan banyak penjelasan yang tidak kurang penting-nya kapada para peserta pada hari itu.

Lebeh daripada $350 juta menurut beliau telah di-bayar oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad kapada pemborong2 antarabangsa yang mengendalikan kerja2 yang di-tawarkan kapada mereka di-dalam tahun 1980 dan jumlah pembayaran yang di-buat kapada peniaga2 tempatan di-tahun yang sama chumalah $95 juta.

Perbandingan pembayaran yang ketara begitu besar di-antara pemborong2 antarabangsa dan tempatan (tempatan di-dalam hal ini termasok-lah pemborong2 yang bukan Melayu) mencherminkan kurang-nya "involvement" anak2 tempatan membuat kerja2 kemahiran yang sudah tentu-nya memerlukan kepakaran.

Turut hadhir dan sa-terus-nya memberikan taklimat pada hari itu ter-masok-lah Awang Zakaria bin Dato Paduka Haji Nordin, Penolong Timbalan Pengarah Kerja Raya.

Untok meninjau pendekatan perkembangan perniagaan orang2 kita Melayu dan sa-terus-nya meninjau pandangan mereka di-dalam beberapa aspek, Pelita sempat mewanchara sebilangan daripada para peserta di-dalam majlis tersebut. Orang Melayu khusus-nya seharus-nya tampil kehadapan pada mencheborkan diri dalam bidang perniagaan dan pemborongan.

Penglibatan mereka itu sangat-lah di-perlukan dalam menseimbangkan kadar jumlah pemborong dan perniagaan yang pada masa ini di-kuasai oleh orang2 asing.

Demikian pandangan yang di-berikan oleh Awg Haji Sulaiman bin Jaafar, salah sa-orang peserta yang mengikuti cheramah pada hari itu.

Menurut-nya, kita orang2 Melayu patut-lah sedar dari sekarang dengan mencheborkan diri di-bidang pemborongan dan jangan-lah berharap sangat kapada makan gaji semata-mata baik di-pejabat2 kerajaan mahu pun di-sharikat2 swasta.

"Kita pemborong2 Melayu mesti-lah berdamping rapat dengan peniaga dan pemborong2 asing dalam medapatkan sedikit sa-banyak rahsia di-dalam memajukan perniagaan yang kita jalankan, bak kata pepatah Melayu — 'Kalau tidak di-pechahkan royong manakan dapat sagu-nya'," ujar-nya dengan penoh harapan.

Awang Haji Sulaiman ia-lah sa-orang anak tempatan yang sudah berkechimpong dalam perniagaan sejak tahun 1968. Dewasa ini beliau ia-lah sa-orang pemborong yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya dalam bahagian C dan di-samping itu juga mempunyai bangku di-

Lihat muka 7



AWANG John Wybrew, Pengarah Teknikal Shell Brunei.



PARA peserta majlis bergambar ramai bersama2 dengan ahli2 jawatankuasa penganjor majlis di-hadapan bangunan Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan.



Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Sura Haji Abd Manan bin Mohammad dari Daerah Tutong ketika mengajukan pertanyaan beilau.



HAJI Sulaiman bin Jaafar ". . . . orang2 Melayu seharus-nya tampil kehadapan . . . ."



PENGIRAN Haji Mohd Yusof bin Pg Mohd Daud.

# Lebeh $350 juta di-bayar kapada pemborong2 antarabangsa tahun lepas

Dari muka 6

Pasar Ikan Bandar Seri Begawan.

Mengenai dengan cha-a-chara untok menjadi pemborong atau peniaga yang berjaya serta maju, Awang Haji Sulaiman menyarankan supaya kita bersifat jujor, perchaya kapada diri sendiri dan tabah dalam menghadapi berbagai-bagai rintangan dan halangan.

Kerana kata-nya bidang perniagaan dan pemborongan ada-lah merupakan bidang yang mempunyai banyak liku2 dan halangan2 yang memerlukan pengorbanan serta ketabahan dalam menghadapi-nya.

Menyentoh mengenai dengan taklimat pada hari itu, beliau berpendapat ia-nya merupakan satu kejayaan yang besar yang di-lakukan oleh kerajaan ia-itu melalui Bahagian Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan dalam memberikan fahaman yang sa-benar kapada orang ramai di-negeri ini.

Di-samping itu, tambah-nya, kursus sa-umpama itu tidak dapat di-sangkal lagi mempunyai chiri2 penting serta faedah2 yang berguna khusus-nya kapada pemborong2 di-negeri ini.

Awang Haji Ibrahim bin Abdul Ghani pula dalam memberikan pandangan-nya mengenai dengan kursus itu menjelaskan yang ia-nya memberikan ilmu pengetahuan yang lebeh meluas dalam mengikuti hal ehwal bernegara dan berkerajaan.

"Saya berpendapat kursus ini sunggoh baik dan memang-lah sudah kena pada waktu-nya lebeh2 lagi dalam kita sama2 menyiapkan diri pada menempoh kemerdekaan yang akan menjelang pada tahun 1983 yang memerlukan kita bergiat dan berusaha bersunggoh2 khusus-nya di bidang pembangunan dan kemajuan negara," kata-nya.



Dayang Siti Radiah.

Awang Haji Ibrahim kini menjalankan kerjaya-nya sa-bagai pemborong kechil dan melibatkan diri dalam perkhidmatan pengangkutan, beliau mula mencheborkan diri dalam bidang ini dalam tahun 1960an dengan menggunakan modal persendirian sa-lepas berhenti bekerja dengan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

"Peniaga serta pemborong2 bumiputera kita dewasa ini tidak dapat disangkal lagi sudah berjaya dan bertambah jika dibandingkan di-tahun2 yang lalu namun demikian kadar bilangan-nya maseh terlalu kechil jika di-bandingkan dengan bangsa2 asing," demikian pandangan yang di-berikan oleh Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Mohd. Daud, dari Daerah Brunei dan Muara menjalankan perniagaan menjual barang2 runchit, bengkel menchat dan membaiki kereta serta sa-bagai kommission ajen.



HAJI Ibrahim bin Haji Abdul Ghani.

Kejayaan sa-umpama itu, kata-nya, boleh kita lipat gandakan ia-itu dengan sharat kita orang2 Melayu harus-lah berusaha dan berhati-hati dalam hal ehwal kontrek mengkontrek dan berniaga.

Kursus yang di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan, Pejabat SUK ini, jelas beliau, pada keseluruhan-nya ada-lah baik dan mendatangkan banyak faedah yang berguna kapada peserta2 untok masa depan khusus-nya di-bidang perniagaan.




PENERANGAN juga di-berikan dengan menggunakan "slide". Rajah ini menunjokkan pembayaran yang di-buat oleh Shell kapada pemborong2 antarabangsa dan tempatan.



KETUA Pegawai Penerangan, Tuan Haji Badaruddin kelihatan menyampaikan cheramah penerangan beliau.

# LAWATAN ROMBONGAN NEGERI



YAM Tunku Laksamana Tunku Naquiyuddin, junjong ziarah ketika menghadap kehadapan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, di-perhatikan oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, di-Istana Darul Hana.

Gambar bawah dari kanan: YAM Tunku Laksamana Tunku Naquiyuddin, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, YAM Tunku Nurul Hayati dan YAM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Norhayati beramah mesra di-Istana Tetamu, bagi mengalu-ngalukan lawatan rasmi tiga hari keluarga Diraja Negeri Sembilan itu.

Gambar kanan bawah ialah di-Istiadat Jamuan Negara, di-Istana Darul Hana bagi menghormati lawatan rasmi Diraja Negeri Sembilan.





GAMBAR kiri: Isteri Tunku Laksamana YAM Tunku Nurul Hayati sedang menurunkan tandatangan ka-dalam buku lawatan di-Muzium Kota Batu dan di-perhatikan oleh YAM Tunku Muda Serting Tunku Imran. Sementara gambar kanan: YAM Tunku Laksamana Tunku Naquiyuddin ketika di-junjong ziarah oleh YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain sambil di-perhatikan oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Gambar bawah kiri menunjokkan sa-bahagian daripada dhaib2 kehormat di-Jamuan Negara, Istana Darul Hana sementara gambar bawah kanan, kelihatan Awang Metussain bin Omar, Pemangku Timbalan Pengarah Muzium sedang memperkenalkan kapada YAM Tunku Laksamana di-tiap2 pameran yang tersimpan di-Muzium Brunei dalam rangka lawatan rasmi YAM Tunku Lawsamana dan rombongan Diraja Negeri Sembilan ka-Negeri Brunei.









# RASMI 3 HARI DIRAJA SEMBILAN

GAMBAR kanan: YAM Tunku Laksamana Tunku Naquiyuddin berbual mesra dengan DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, di-Istana Darul Hana. Bawah kiri: Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, YAM Tunku Laksamana, dan DYTM Paduka Seri Begawan Sultan di-Istana Darul Hana sa-jurus sa-telah menyembahkan pengorniaan Darjah Kerabat (D.K.) Negeri Sembilan.

Gambar bawah kelihatan YAM Tunku Muda Serting Tunku Imran junjong ziarah kehadapan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan sambil di-perhatikan oleh DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, YAM Tunku Laksamana dan isteri masing2.







GAMBAR atas: YAM Tunku Laksamana di-junjong ziarah oleh salah sa-orang jemaah ketika selesai berangkat menunaikan sembahyang Fardhu Jumaat di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, Jumaat lepas. Kanan: YAM Tunku Laksamana Tunku Naquiyuddin, menurunkan tanda-tangan sa-jurus sa-belum meninggalkan Muzium dalam rangka lawatan-nya ka-Muzium Brunei.

Bawah kiri: YAM Tunku Nurul Hayati (isteri Tunku Laksamana) paling kiri dan YAM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Norhayati serta rombongan pelawat Diraja itu melakukan lawatan ka-Pusat Kesenian dan Pertukangan di-Berakas, sementara gambar bawah kanan YAM Tunku Laksamana di-berikan penerangan oleh YB Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Laila Utama Awg Haji Abdul Rahman, ketika berangkat melawat Pusat Kesenian dan Pertukangan, di-Berakas.











YB Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ketika junjong ziarah kapada Kebawah DYMM dan bawah DYMM ketika berada di-Bilek Taklimat.



# KEBAWAH D
# BUROH,
# SUKATAN









KEBAWAH DYMM bertanyakan sa-suatu kapada salah sa-orang kaki-tangan Jabatan Buroh dengan di-iringi oleh YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibol Karib Pengiran Anak Idris. Kelihatan salah sa-orang kaki-tangan Jabatan Buroh junjong ziarah kapada Kebawah DYMM.



# JANGAN LUPA PERSEDIAAN AKHIRAT DI-SAMPING MENEKMATI KESENANGAN DUNIA

IMAM Ghazali telah membahagikan manusia itu kapada tiga golongan di-pandang dari sudut sikap mereka menghadapi hidup dan kehidupan. Golongan pertama di-sebut-nya sa-bagai Al-Halikon, ia-itu orang2 yang chelaka. Golongan kedua di-sebut-nya sa-bagai Al-Fa'izon, ia-itu orang2 yang berjaya. Dan golongan ketiga di-sebut-nya sa-bagai Al-Moktasidon, ia-itu orang2 yang berhemat chermat.



Al-Halikon ia-itu orang2 yang chelaka ia-lah orang2 yang sentiasa sibok dan menyibokkan diri terhadap kesenangan2 hidup di-dunia dan melupakan sama sekali persiapan2 untok kehidupan di-alam akhirat yang kekal dan abadi. Dunia ini di-pandang-nya sa-bagai lautan madu yang perlu di-kechap segala kemanisan-nya, walau pun dia menyedari bahawa kenekmatan dan kesenangan dunia ini sifat-nya hanya sementara dan akan lenyap jua akhir-nya, tetapi hati-nya sudah tertambat kapada-nya.

Memang sudah menjadi tabiat semula jadi manusia chinta kapada sa-suatu yang di-pandang sa-bagai kesenangan dunia. Allah Subhanahu Wataala telah menerangkan dalam surah Ali-Imran ayat 14 yang kira2 bermaksud:

*"Di-jadikan ini, pada (pandangan) manusia kechintaan kapada apa2 yang di-ingini, ia-itu perempuan2, anak2, harta benda yang banyak dari jenis emas dan perak, kuda pilehan (kenderaan yang bagus2), binatang2 ternakan dan sawah ladang. Itu-lah kesenangan2 hidup di-dunia dan di-sisi Allah terdapat tempat kembali yang baik."*

Meski pun manusia mempunyai tabiat sukakan kesenangan2 dunia itu, akan tetapi telah juga di-bekalkan dengan akal fikiran yang boleh di-gunakan untok membezakan antara yang baik dan yang jahat, antara yang benar dan yang salah. Dalam pada itu akal fikiran saja tidak chukup untok mengendalikan tabiat dan keinginan itu. Berapa banyak orang yang pintar dan otak-nya bergeliga tetapi kadang2 kepintaran-nya itu menyeret-nya kapada kerosakan dan kehanchoran. Itu-lah sebab-nya akal itu perlu mendapat bimbingan dan petunjok daripada Allah Subhanahu Wataala menerusi ugama yang di-turunkan-nya ia-itu Ugama Islam.

Ajaran2 Islam mengandongi petunjok2 yang dapat di-jadikan kompas bagi mengharongi lautan kehidupan yang penoh dengan gelombang dan pancharoba ini, supaya manusia tiada tersesat dan tenggelam yang akhir-nya akan berkubor di-dasar laut buat selama2-nya.

Golongan kedua ia-itu Al-Fa'izon yakni orang2 yang berjaya ia-lah orang2 yang mendapat kenekmatan dan kesenangan baik di-dunia mau pun di-akhirat kerana kekuatan iman-nya, menjauhkan diri dari larangan2 Allah dan sentiasa berbakti dan taat kapada-nya, bersedia mengorbankan harta2 dan diri-nya pada jalan yang di-redhai Allah.

Firman Allah di-dalam surah An-Nur ayat 52 yang kira2 brmaksud:

*"Dan barang siapa yang taat kapada Allah dan Rasul-Nya dan takut kapada Allah serta bertakwa kapada-Nya, maka mereka itu ada-lah orang2 yang berjaya."*

Menurut Imam Ghazali yang berjaya itu ia-lah orang2 lebeh sibok dan memberi perhatian berat kapada persiapan2 untok menempoh alam akhirat. Ini tidak-lah bererti bahawa seluroh kegiatan2 hanya di-tumpahkan kapada soal2 akhirat semata2 dengan meninggalkan sama sekali kepentingan dan kesenangan2 hidup di-dunia, akan tetapi di-samping menekmati kesenangan2 dunia dia tidak lupa berbuat taat dan memberi perhatian yang berat kapada kepentingan hidup di-akhirat kelak.

Ada pun golongan Al-Moktasidon ia-lah orang2 yang berhemat chermat dan tiada mensia2kan persiapan2 untok kehidupan akhirat tetapi tiada pula lupa menekmati kenekmatan dan kesenangan hidup di-dunia sa-perlu-nya.

Menurut Imam Ghazali Al-Moktasidon itu ia-lah orang2 yang sebok mempergunakan kesenangan hidup di-dunia ini untok hidup yang akan datang di-alam akhirat. Hal ini ada-lah sesuai dengan apa yang di-terangkan oleh Allah di-dalam surah Al-Qasas ayat 77 yang kira2 bermaksud:

*"Dan tuntut-lah oleh mu kampong akhirat dengan kekayaan yang di-kurniakan Allah kapada-mu dan jangan-lah engkau lupa bahagian-mu (kesenangan dan kenekmatan) dunia. Dan berbuat baik-lah (kapada orang lain) sa-bagaimana Allah berbuat baik kapada mu. Se-sunggoh-nya Allah tidak suka orang2 yang berbuat kerosakan."*

Dalam ayat tersebut telah di-gariskan suatu dasar yang perlu di-turuti ia-itu memberi keutamaan kapada persiapan2 untok menghadapi hidup di-akhirat tanpa meninggalkan sama sekali kesenangan hidup di-dunia. Yang perlu di-pelihara ia-lah sikap yang seimbang antara kepentingan hidup di-akhirat dengan di-dunia. Meski pun keseimbangan ini tidak bererti 50%/50%.

Kalau kita di-tanya golongan mana-kah yang kita pileh dari ketiga golongan tadi? Sudah pasti-lah kita tidak akan memileh golongan Al-Halikon ia-itu golongan orang2 chelaka. Golongan yang hanya mementingkan kesenangan hidup di-dunia dan mengabaikan sama sekali persiapan2 untok kehidupan akhirat. Yang demikian mari-lah kita mempastikan diri kita masing2 supaya di-samping berusaha untok mendapatkan kesenangan di-dunia ini jangan-lah kita lupakan untok membuat persiapan2 untok kehidupan di-alam akhirat dengan berbuat taat dan amal saleh.

## Peraduan Kor'an Brunei III

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama akan mengadakan Peraduan Membacha Kitab Suchi Al-Kor'an perengkat dewasa bagi kawasan Brunei III yang akan berlangsong di-Dewan Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah pada 8hb. Mei depan.

Sa-orang juruchakap pehak penganjor berkata, orang ramai terlingkong dalam kawasan Brunei III yang ingin menyertai peraduan tersebut boleh-lah mendapatkan borang2 penyertaan daripada Guru Besar II, Awang Abdul Razak bin Haji Mohd. Tahir di-alamat Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (pagi) atau kapada Penghulu Mukim Burong Pingai, Awang Haji Abu Bakar bin Hashim.

Borang2 yang telah di-isi hendak-lah di-kembalikan tidak lewat daripada 30hb. April, 1981 jam 11.00 pagi. — JAL.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 22hb April, 1981 hingga ka-hari Selasa 28hb April, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 22hb April | 12.25 | 3.40 | 6.31 | 7.43 | 4.42 | 4.56 | 6.10 |
| 23hb April | 12.25 | 3.40 | 6.31 | 7.43 | 4.42 | 4.56 | 6.10 |
| 24hb April | 12.25 | 3.40 | 6.31 | 7.43 | 4.42 | 4.56 | 6.10 |
| 25hb April | 12.25 | 3.40 | 6.31 | 7.43 | 4.42 | 4.56 | 6.10 |
| 26hb April | 12.24 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.41 | 4.55 | 6.09 |
| 27hb April | 12.24 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.41 | 4.55 | 6.09 |
| 28hb April | 12.24 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.41 | 4.55 | 6.09 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

## UBATI PERASAAN DUKACHITA DGN KESABARAN DAN INGATKAN ALLAH

O *Bingkisan minggu ini*

DUKACHITA ada-lah satu daripada perasaan2 burok yang amat merbahaya kapada diri sa-seorang. Apabila di-biarkan tumboh di-dalam jiwa dan tidak segera di-ubati, ia-nya akan boleh membinasakan tuboh badan yang menyimpan perasaan dukachita tersebut. Dukachita boleh menjadikan sa-seorang itu bersifat menghina diri sendiri, lemah semangat, malas berusaha dan bekerja, sa-terus-nya menjadikan ia-nya berkeadaan liar dan bersikap 'penentang peratoran' atau 'anti disiplin'. Dukachita juga boleh menjadikan sa-seorang itu berputus asa, hilang pegangan hidup dan chita2 menjadi pudar, sa-rentak dengan itu, maka segala kegiatan akan terhenti, sekali pun matalamat yang di-tuju maseh jauh lagi.

Ada beberapa faktor yang menyebabkan sa-seorang itu berperasaan dukachita, di-antara-nya ia-lah: kehilangan sesuatu yang di-sayangi, kerana gagal dalam perjuangan, sangkaan2 burok mengenai nasib masa depan dan kebuntuan dalam menyelesaikan problem hidup. Dalam ke-empat2 faktor tersebut dapat-lah kita meneliti bahawa di-sa-balek kedukachitaan itu ada chara yang boleh mengatasi-nya ia-itu dengan berbalek kapada prinsip 'SABAR' dan 'INGATKAN KEKUASAAN ALLAH'.

Dalam perkara 'Sabar' dan 'Ingatkan Kekuasaan Allah' ini, baik kita ambil salah satu faktor yang menyebabkan sa-seorang itu dukachita ia-itu faktor kehilangan sesuatu yang di-sayangi. Memang jarang sekali sa-seorang itu dapat mengatasi diri dari perasaan berdukachita apabila sesuatu yang di-sayangi-nya hilang. Sa-seorang itu akan berdukachita lantaran hilang harta benda, kematian suami atau isteri, di-tinggalkan kekaseh atau tunang, di-timpa penyakit atau kesusahan yang menyebabkan hilang nekmat kesihatan dan kehidupan-nya dan lain2 lagi.

Berdukachita dalam hal2 tersebut sa-benar-nya belum-lah sampai ka-tahap perkara yang di-larang oleh Ugama Islam. Tetapi apa yang di-tegah atau di-larang ia-lah berdukachita yang terus menerus sa-hinggakan lupa kapada kepentingan dunia apatah lagi kepentingan akhirat, di-samping melakukan perkara2 yang di-larang atau di-kutok oleh Allah s.w.t. saperti membunoh diri dengan apa chara jua pun.

Rasulullah s.a.w. sendiri dalam sejarah hidup-nya, pernah berdukachita ia-itu wafat putera-nya yang bernama Ibrahim, berchuchoran ayer mata Baginda s.a.w. menyebabkan Abd. Rahman bin Auf bertanya: "... bagaimana ya, Rasulullah" Baginda s.a.w. menjawab: "Wahai Ibnu Auf, peristewa ini ada-lah suatu rahmat, ya, ayer mata tentu-lah mengalir, hati tentu-lah berduka dan kami tidak berkata apa2 selain dari yang di-redhai oleh Allah; Sesunggoh-nya kami dengan perpisahan-mu ini, wahai Ibrahim amat-lah ber dukachita."

Tetapi jika sa-seorang itu berdukachita dengan melampaui batas sa-hingga menyebabkan ia-nya sa-olah2 membantah ketentuan Allah s.w.t. dan menepikan segala nekmat yang telah, sedang dan bakal di-terima-nya daripada Allah s.w.t. maka ini-lah di-larang sama sekali, ini menepati maksud sebuah hadith Baginda Rasulullah s.a.w. yang di-riwayatkan oleh Bukhari dan Muslim daripada Ibnu Mas'hud yang bermaksud: "Bukan-lah dari golongan umat-ku orang yang menampar2 pipi, mengoyak2 baju dan melaung2 dengan kata2 laungan orang2 di-zaman jahilliah (ketika ia-nya di-timpa mala petaka atau kemalangan saperti kematian orang yang di-kasehi dan sebagai-nya)."

Dalam perkara ini-lah kita harus menyedari bahawa setiap apa yang ada di-sisi kita sa-benar-nya hanya-lah pinjaman atau amanah Allah s.w.t. Oleh itu Allah s.w.t. berhak mengambil-nya semula bila2 masa dengan sebab2 tertentu. Kalau kita mengetahui semua ini, di-sini-lah kita harus meletakkan kesabaran kita dan selalu ingatkan kekuasaan Allah s.w.t. Sa-sunggoh-nya Allah s.w.t. itu berkuasa kapada setiap sesuatu. Sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah di-sebahagian ayat 155 dan ayat 156 hingga ayat 157 yang bermaksud kira2: "Dan berikan-lah khabar gembira kapada orang2 yang sabar, ia-itu orang yang apabila di-timpa mala-petaka atau kemalangan, mereka menguchapkan

“انالله وانا اليه رجعون”

(Bahawa sesunggoh-nya kita kepunyaan Allah dan kapada-Nya kita akan kembali), mereka itu pasti mendapat keampunan dan rahmat daripada Allah, dan mereka itu-lah orang2 yang mendapat petunjok."

# JAWAPAN KAPADA BERBAGAI2 MASA'ALAH

## Siri ke-76

**YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........**



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDU
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja
Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J.
P.H.B.S., P.J.S. Azhar dan U. Cair

### MASAALAH (1) :

Di-katakan bahawa dalam kitab KASHFUL ASRAR terdapat keterangan bahawa Tuhan berkata : "Ya Muhammad ! Yang ghaib itu engkau-lah dan Aku jua. Ya Muhammad! Engkau itu Aku jua." Apa tujuan perkataan ini ?

### MASAALAH (2) :

Di-katakan bahawa sa-lepas salam yang pertama dalam sembahyang ketika berpaling ka-kanan, di-suroh menguchapkan : "Bukakan pintu shurga jannatun na'em tempatku di-Padang Yaumil Mahshar HUALLAH!" Dan lepas salam yang kedua —ketika berpaling ka-kiri, di-suroh uchapkan pula : "Tutopkan pintu neraka HUALLAH ! " Dan ketika menyapukan tangan di-kepala dan meraup muka di-suroh bacha : "Ashadu anlailaha illah kesempurnaan nyawaku; wa ashhadu anna Muhammadar Rasulullah kesempurnaan jasadku."

Bagaimana hukumnya ?

### MASAALAH (3) :

Ada-kah dalam tuboh kita yang di-namakan Baitullah, Baitulma'amor, dan Maqam Ibrahim ? Di-bahagian mana-kah tempat-nya ? Kira-nya tidak ada, maka apa hukum-nya orang yang mendakwakan ada-nya ?

### JAWAPAN :

Kitab KASHFUL ASRAR yang di-katakan ada menyebutkan isi soalan (dalam masaalah 1) itu ada-lah kitab sesat dan kufur. Hendak-lah jauhkan kitab itu dengan membakar-nya.

Dato' Mufti Johor Al'-Allamah Al-Habib Alawi bin Tahir Al-Haddad (meninggal tahun H.1382 di-Johor Baharu) ada mengatakan dalam satu fatwa-nya : —

"Saya telah banyak membacha kitab2 dalam negeri ini, saya dapati bukan daripada kitab2 orang Islam, tetapi buku orang2 ahli sesat yang hendak menyesatkan orang2 Islam dan hendak memasokkan ugama Siam atau ugama Hindu dalam Ugama Islam. Antara kitab2 itu kitab KASHFUL ASRAR dan lain2 kitab yang tidak saya sebutkan nama-nya di-sini. Semua kitab2 itu sesat dan kufur."

### SESAT :

Jadi perkara dalam masaalah 1 itu ada-lah sesat. Begitu juga perkara dalam masaalah 2 dan 3 itu; semua-nya kufur dan sesat kerana ia berchamporadok dengan mazhab *Wahdatul Wujud* dan *Mazhab At-Tanasukh* yang kufur itu. Semua-nya kata2 sesat. Dan hendak-lah orang mengatakan-nya itu bertaubat dan menguchapkan dua kalimah shahadat dan membuang dan ingkarkan ajaran2 salah lagi kufur itu.

### MASAALAH (4) :

Di-katakan bahawa masok shurga ia-lah dengan rahmat Allah, bukan dengan amalan. Jika demikian tidak-lah berguna amalan ? Orang yang macham mana dapat rahmat Allah ?

### JAWAPAN :

Allah Ta'ala suroh orang mukallaf beramal sembahyang bila masok waktu-nya; berpuasa bila masok bulan Ramadan; dan berzakat wang bila telah ada nisab dan sampai haul-nya; dan naik haji ka-Mekah — bukan ka-lain tempat — bagi mengerjakan ibadat haji bila ada kuasa ia-itu ada bekalan dan kenaikan antara tempat-nya dengan Mekah itu. Dan di-suroh orang mukallaf berperangai baik saperti ikhlas, khushu', tawadhu'; dan menjauhi perangai jahat saperti ria', hasad, dengki, takbur dan sa-bagai-nya.

Maka wajib orang mukallaf menjalankan perkara yang di-suroh dan menjauhi perkara2 yang di-larang saperti zalim, iniaya, menchuri, minum arak, berjudi, merompak, bergadoh, berzina, menghisap ganja dan dadah dari perkara yang membinasakan akal dan jiwa manusia. Semua ini di-namakan amal orang2 yang menta'ati surohan dan larangan Allah itu akan mendapat rahmat-Nya dan mendapat keampunan serta beroleh shurga.

**Rahmat Allah** itu erti-nya ihsan Allah dan balasan baik daripada-nya.

### TIADA SELAMAT, MELAINKAN . . . .

Berkata al-'Allamah Ibnu 'Allan :

Dalam hadith yang di-riwayatkan oleh Al-Imam Muslim daripada Sahabat Abu Hurairah r.a. telah berkata : Rasulullah s.a.w. telah bersabda :

قَارِبُوا وَسَدِّدُوا وَاعْلَمُوا

أَنَّهُ لَنْ يَنْجُوَ أَحَدٌ مِنْكُمْ بِعَمَلِهِ

Erti-nya : *"Beramal-lah kamu dengan tiada melampau dan tiada chuai serta tiada kurang; dan tetap-lah kamu di-atas amal yang saleh atau perbuatan yang baik; dan ketahui-lah kamu bahawa sa-seorang daripada kamu itu tiada-lah akan selamat dan lepas dengan amal-nya itu."*

Sampai di-situ, Sahabat2 yang mendengar pun bertanya: *"Hatta diri tuan hamba ya Rasulullah?"*

Baginda menjawab:

وَلَا أَنَا إِلَّا أَنْ يَتَغَمَّدَنِيَ اللَّهُ

بِرَحْمَةٍ مِنْهُ وَفَضْلٍ .

Erti-nya: *"Saya pun tiada dapat selamat melainkan jika Allah meliputi saya dengan rahmat daripada-Nya dan dengan kelimpahan-Nya."*

### THABIT DENGAN SHARA'

Berkata Al-Imam An-Nawawi :

Menurut mazhab **Ahlus Sunnah** bahawa tiada-lah thabit dengan chara akal itu akan sa-suatu pahala atau sa-suatu siksa atau sa-suatu hukum shara'. Semua-nya itu, yakni: pahala dosa dan hukum shara' ada-lah tiap2 satu-nya thabit dengan shara' — bukan dengan akal.

Menurut mazhab **Ahlus Sunnah** bahawa Allah Ta'ala tiada-lah wajib di-atas-nya membuat sa-suatu, bahkan dunia dan akhirat itu milek Allah. Ia berbuat apa Ia suka dan Ia menghukum akan apa yang Ia kehendak dan iradatkan. Kalau Ia azabkan orang yang ta'at semua-nya dan Ia masokkan mereka ka-dalam neraka maka itu ada-lah suatu keadilan daripada Allah — bukan iniaya. Dan kalau Ia beri nekmat akan orang2 kafir dan Ia masokkan mereka ka-dalam shurga maka Ia boleh berbuat begitu. Kerana semua itu milek-nya, saperti sa-orang memileki satu kebun, suatu masa ia tanam buah-buahan, satu masa lain ia tanam sayor-sayoran, dan satu masa yang lain ia tanam bunga atau ia ubah rupa batas kebun bunga-nya itu dari rupa bujor ka-rupa bulat atau empat persegi. Tiada-lah sa-orang pun mengatakan tuan yang ampunya kebun itu iniaya (zalim) kerana mengubah2 batas dan mengubah2 bunga mengikut batas-nya. Begitu-lah Allah Ta'ala terhadap makhlok-nya.

Akan tetapi, Allah Ta'ala telah berkhabar dan khabar Allah itu pasti benar, ia-itu Ia tidak berbuat begitu, bahkan Ia ampunkan orang mu'min dan Ia masokkan mereka ka-dalam shurga; dan Ia azabkan orang2 kafir Ia akan masokkan me ka-dalam neraka keran adilan-Nya.

Hadith di-atas tadi lah dalil yang terang menyokong apa yang terangkan ini bahaw ada-lah sa-seorang itu hak mendapat pahala berhak mendapat sh dengan ta'at dan amal

### ADA PUN FIRMAN ALLAH :

...لُوا الْجَنَّةَ بِمَا كُنْتُمْ

...ونَ .

dan lain2 ayat yang tujuan bahawa amal dat itu menjadi sebab sok shurga, maka ayat tiada-lah berlawan de hadith2 saperti hadit di. Bahkan tujuan ay ia-lah bahawa masok ga dengan sebab amal dat. Ada pun taufik berbuat amal dan hi serta memberi pet pada ikhlas beramal dan di-terima amal it itu ia-lah dengan ra Allah dan limpah kel an Allah jua.

Maka dari itu nyata-ba hawa sa-seorang itu tiada masok shurga dengan se dengan beramal, dan yang di-maksudkan oleh tersebut itu tadi dan lain2 dith yang sa-umpama Dan boleh-lah di-katakan hawa ia masok shurga de amal yang di-sebabkan limpah kelebehan Allah rahmat Allah.

### TIADA KESAN

Berkata Al-'Arif billah Abi Jamrah bahawa am sebab biasa sa-bagaimana sebab menurut hikmat da hasia Allah. Dan tiada-lah itu memberi kesan me masok shurga, tetapi memberi kesan ia-lah Al bukan amal itu. Hanya itu semata2 sebab yang kehendakkan Allah, dan darkan amal itu me shurga hanya ia sebab bukan sebab hakiki.

*WALLAHU A'AL*



AWANG Wahab bin Haji Md Said, Penguasa Penjara sedang menerangkan sa-suatu kapada Kebawah DYMM dengan di-iringi oleh adinda Baginda YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir.



DYMM sedng memerhatikan sa-bahagian daripada gambar2 yang di-pamerkan oleh Jabatan Penjara dengan di-iringi oleh Penguasa Penjara.

# DI-JABATAN2
# RA DAN
# MBANGAN





KEBAWAH DYMM ketika menyaksikan sa-bahagian daripada alat2 timbangan yang di-gunakan oleh Jabatan Sukatan dan Tim-bangan.



KEBAWAH DYMM men-dengar penerangan dari Awg Omar, Merinyu Sukatan dan Timbangan bertempat di-sa-lah satu bahagian jabatan ter-sebut dan bawah Kebawah DYMM sedang memerhatikan kerja2 di-salah satu bahagian Jabatan Buroh dengan di-perhatikan oleh YAM Pengi-ran Indera Setia Diraja Sahi-bol Karib Pengiran Anak Idris.



SA-TIAP orang mempunyai kebolehan masing2 yang boleh mendatangkan faedah kapada membela diri masing2, sa-andai-nya usaha dan kebolehan itu di-laksanakan sa-chara praktikal. Ketekunan, kerajinan, kesebaran dan keazaman yang kuat pasti menghasilkan segala apa yang di-chita2kan.

Oleh itu kebolehan diri sa-seorang tidak siapa yang boleh mengukor serta menilek-nya kechuali usaha dan azam-nya yang boleh mempastikan maju dan mundor-nya sa-seorang itu. Kebijaksanaan, keupayaan tenaga dan kebolehan dapat mencherminkan mutu kejayaan hidup kita.

## Ikrar bekas Juara Peladang :

# AKAN TERUS BERBAKTI KAPADA TANAH

Oleh : HASIMAH HAR

Baru2 ini pehak PELITA telah membuat tinjauan mengenai kegiatan2 dan perkembangan2 kaum peladang di-negeri ini. Saperti yang di-maklumi, berladang, bertani, berternak dan nelayan ada-lah sa-kumpolan pekerjaan yang sangat di-muliakan di-sisi Allah dan memerlukan pemusatan tenaga, anggota sa-penoh-nya serta azam dan semangat yang kuat untok menchapai chita2 dan untok mendapatkan hasil yang lebeh produktif.

Awang Jenuddin bin Abd Rahman ada-lah merupakan sa-orang tokoh peladang yang lama berbudi kapada tanah dan kini berusia 40 tahun, berasal dari Kampong Kilanas ia-itu lapan batu dari Bandar Seri Begawan. Kini beliau bertugas di-Bengkel Pertanian Kilanas lebeh kurang dua puloh tahun lama-nya.

KEBOLEHAN

"Saya mula menchebor-kan diri dalam berladang ini sejak berusia 15 tahun hingga-lah sekarang. Oleh yang demikian berladang ada-lah merupakan pekerjaan yang sebati dengan jiwa saya yang tidak mungkin dapat di-pisahkan," jelas Awang Jenuddin.

Dalam menchabar kebolehan dan keupayaan, beliau sa-keluarga telah berjaya merintis dan membersehkan sa-bidang tanah sa-luas satu ekar yang di-tumbohi oleh rumput dan lalang untok projek penanaman sayor2an. Tapak penanaman ini ada-lah tanah beliau sendiri.

Peranan sa-orang peladang amat penting kapada masharakat dan kehidupan sa-hari2. Ini jelas terbokti segala hasil sayor2an di-jual di-tamu ada-lah hasil dari titek peloh kaum peladang.

"Di-mana ada kemahuan di-situ ada jalan" ini-lah pepatah sa-bagai pegangan dan pendorong beliau dalam mengusahakan ladang-nya lebeh giat lagi sa-hingga beliau berjaya menghasilkan tanah-nya sa-luas sa-ekar dengan berjenis2 tanaman sayor2an yang boleh mendatangkan hasil dan keuntongan. Di-antara sayor2an yang di-tanam beliau ia-lah Kachang panjang, Peria, Timun, Sawi, Patula, Jagong dan lain2 lagi. CHITA, USAHA, JAYA ada-lah kemunchak bagi sa-tiap peladang.

Dalam usaha menjayakan bidang ini, beliau telah mendapat bantuan dari Pehak Kerajaan melalui Jabatan Pertanian. Di-antara bantuan itu saperti berjenis2 baja, biji beneh, rachun serangga, nasihat dan lain2 lagi. "Dengan kerjasama serta perhatian dari pehak berkenaan menguatkan lagi semangat saya untok meluaskan lagi kebun saya," jelas Awang Jenuddin dengan gembira dan penoh harapan.

KERJA MENAREK

Menurut beliau, berladang ada-lah merupakan kerja yang menarek dan hasil-nya sangat-lah memuaskan. Semua hasil mahsul ini hanya-lah di-jual ka-tamu Bandar Seri Begawan. Menurut purata pendapatan-nya dalam sa-hari ia-lah di-antara $100 ka-$150. "Memandangkan kapada hasil yang di-perolehi ini, menguatkan lagi minat saya dalam bidang ini dan saya berchita2 untok meluaskan-nya," jelas Awang Jenuddin penoh bersemangat.

Masa sangat-lah penting kapada Awang Jenuddin bagi mengusahakan kebun-nya, meskipun begitu, beliau sa-orang yang bijak dan berpengalaman bagi menggunakan masa dan waktu. Ini terbokti sabaik saja dia selesai dari bekerja, beliau pergi bersama tenaga dan harapan mengusahakan kebun-nya.

"Anak dan isteri saya juga turut membantu dalam mengusahakan ladang ini saperti bertanam, menyiram, membersehkan tanaman, membaja, memetik buah-nya dan seterusnya," jelas beliau. Dalam usaha menyuborkan sayor2an sangat-lah memerlukan masa yang panjang dan tenaga yang berlebehan. Di-perengkat permulaan tanaman terpaksa menempoh rintangan dari gangguan musoh saperti burong, tikus, siput dan keadaan chuacha saperti hujan dan kemarau serta penyakit2 yang di-alami tanaman itu sendiri.

Meski pun kechemaran pada tanaman sa-chara mendadak tidak-lah menjejaskan serta melemahkan semangat untok bergiat lagi, malah sa-baliknya beliau sa-daya upaya mengatasi-nya.

Pengorbanan yang beliau sumbangkan ia-lah membelanjakan wang sa-banyak $800 bagi membena sa-buah kolam sederhana untok menakong ayer hujan bagi keperluan di-musim kemarau. "Usaha ini-lah yang mendorong saya dalam erti kata "hidup berdikari"," jelas beliau sambil menunjokkan kolam tersebut.

PELIHARA AYAM

Di-samping berkebun sayor2an, beliau juga telah melakukan projek pemeliharaan ayam (berternak) yang terletak di-belakang kawasan rumah beliau. "Saya mula mendapatkan ayam ini ia-lah membeli dari taukeh pemasaran ayam sa-banyak sa-puloh ekor anak ayam bagi perengkat permulaan sa-bagi perchubaan," jelas Awang Jenuddin. Atas inisiatif kerajinan, kesabaran dan keazaman yang kuat beliau telah berjaya menjadi sa-orang penternak yang dedikasi. Dengan kejayaan itu mendorong beliau lebeh giat lagi dalam bidang ini.

Menurut beliau, sa-jauh ini hasil-nya sangat-lah memuaskan dan amat-lah menggalakkan. Semua hasil-nya saperti telor dan daging-nya di-jual ka-pasar dengan pendapatan $100 dalam sehari. "Di-samping itu, pelanggan2-nya bukan saja dari sekitar Kampong Kilanas bahkan juga dari berbagai2 kampong," jelas beliau. Dalam menjayakan usaha ini, beliau juga di-bantu oleh Kelinik Haiwan Jabatan Pertanian menjaga ternakan bagi mendapatkan hasil beneh yang sehat dan baik.

"Ada pun tujuan saya berladang dan berternak ini ada-lah untok menambahkan mata pencharian di-samping gaji saya serta mengurangkan perbelanjaan dalam kehidupan sa-hari2 dan untok menyaingi usaha2 peladang2 bangsa asing," jelas Awang Jenuddin dengan penoh semangat.

JUARA PELADANG

Pertunjokkan Pertanian yang di-anjorkan oleh Jabatan Pertanian tiap2 tahun itu ada-lah antara dorongan yang dapat menguatkan lagi azam-nya untok terus mengusahakan pertanian dan ternakan.

"Dengan ada-nya peraduan2 dalam pertunjokan itu, saya sa-tiap tahun mengikuti dan menghantar hasil2 ka-peraduan itu dan hasil dari itu saya sering mendapat di-tempat pertama dan kedua," jelas Awang Jenuddin sambil tersenyum dan menunjokkan hadiah2-nya. Di-antara hadiah2 yang di-perolehi oleh beliau termasok-lah perisai pusingan bagi ayam dan telor dan beras. Beliau juga m nunjokkan oskar2 pusi an bagi sayor2an sap kachang panjang, jag patula dan lain2 lagi. D samping hadiah ber perisai dan oskar, bel juga menerima sijil2 d wang tunai. Kebanyak hadiah2 ini ada-lah sumbangkan oleh shari dan firma2 tempatan s perti Sharikat Abd. S mad dan Anak2 dari D erah Belait dan lain2 sh rikat. "Hadiah yang sa tidak dapat lupakan ia-l sa-buah jentera pemba tanah yang berharga kir $7,000, sa-bagai hadi peladang terbaik, tah 1977," jelas Awang Jenu din dengan gembira.

Mengakhiri perbuai kami, beliau menyeru k pada orang ramai khus nya orang2 Melayu supa dapat menambahkan bi ngan kaum peladang d negeri ini bagi menjam masa depan dan men ingatkan supaya tanah di-negeri ini tidak ter terbiar begitu saja.



KEDUA2 gambar menunjokkan bagaimana Awang Jenuddin dengan gigih dan sabar mengusahakan kebun-nya.



**" Berladang dan Berternak ada-lah untok menambah mata pencharian saya bagi mengurangkan perbelanjaan dalam kehidupan sa-hari2 dan utk menyaingi usaha2 peladang2 asing. "**



ATAS kelihatan Awang Jenuddin bersama hadiah2 yang di-menangi-nya selaku Juara Peladang tahun 1977.

**Pertunjokan Pertanian yg di-anjorkan oleh Jabatan Pertanian tiap2 tahun itu ada-lah antara dorongan yg dapat menguatkan lagi azam-nya untok terus mengusahakan pertanian dan ternakan.**

intisari
RTB
minggu ini



KEHIDUPAN masharakat sa-hari2 dapat di-bentangkan dalam ranchangan kegemaran ramai 'Chitrairama'. Kelihatan dalam gambar Mohd Daud, Mohd Nor Muhammad, Zainab Haji Mohd Taha, Hasnani Hamdan dan Saloma Mahmud dengan gaya masing2 menghidupkan dailog. Ranchangan Chitrairama ka-udara pada hari Isnin jam 8.30 malam.

## JURUHEBAH SUSUNAN RANCHANGAN

RADIO Talivishen Brunei berkehendakkan Juruhebah Susunan Ranchangan, yang akan bertugas sachara sambilan (part time). Keutama'an akan di-beri kapada bekas2 penuntut (yang tidak bekerja dengan mana2 pehak masa ini). Mempunyai perwatakan yang segak di-kacha tv dan mempunyai suara yang baik, mndapat kelulusan 'O' Level aliran Melayu atau Inggeris. Kefasehan bertutor dalam bahasa Inggeris menjadi satu kelebehan.

Para pemohon hendaklah lulus menaip sekurang2-nya Perengkat Menengah. Antara tugas2 Juruhebah Susunan Ranchangan ini ia-lah: —

i) Menyediakan skrip (menaip)

ii) Menyampai ranchangan2 harian di-MCR dan Studio sechara 'Shift' sehingga siaran tamat.

iii) Sanggup bertugas bila2 masa di-kehendaki.

Sa-belum pemilehan atau 'audition' di-adakan, satu temu-duga akan di-adakan terlebeh dahulu.

Sa-siapa yang ingin menjadi Juruhebah Susunan Ranchangan sambilan, sila-lah menulis surat kapada Pengurus Persembahan dan Peranchangan, Radio Talivishen Brunei, dengan menyertakan sijil2 persekolahan dan menaip, Surat Beranak, Kad Pengenalan dan dua keping gambar (baru) yang berukoran Paspot hendak-lah juga di-sertakan. Tarikh tutop ia-lah pada 6hb. Mei, 1981.



'DO Women spend too much time and money to beautify themselves?' Listen to our panels of Three Ladies In Stereo discussing over the topic. From right Cecilia Chieng, Hayati Pehin Salleh (the chairlady) and Mary Tanaraj. This programme will be broadcast on Friday 24th April at 12.00 noon and repeated the same evening at 8.00 p.m. This programme is produced by Jaafar Yaakob.

## *BINTANG KECHIL Suku Akhir Daerah Temburong*

SA-RAMAI 14 orang telah terpileh untok memasoki ka-Perengkat Suku Akhir Bintang Kechil Radio 1981. Pertandingan-nya akan di-langsongkan di-Dewan Ria Pekan Bangar, Temburong. pada hari Ahad, 10hb Mei, 1981 jam 2.00 petang. Berikut ia-lah nama2 yang terpileh: —

1. Serifah Serudin
2. Norhayati Hussin
3. Mardianah Pungut
4. Nordayang Ali
5. Sofiah Osman
6. Ampuan Roslan Ampuan Yakob
7. Noridah Kading
8. Noriah Abdul Ghani
9. Sabidah Kassim
10. Masnah Galawat
11. Zoobidah Ali
12. Masniah Taha
13. Limawati Galawat
14. Juraini Udan.

# RANCHANGAN TVP DARI 27HB APRIL HINGGA 3HB MEI

### ISNIN — 27HB APRIL

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 333
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERSENAM, YANG MANA GANJIL, PA' LONG, BOLA TUMBOK, KAJIAN SA-MULA JADI dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan kajian sa-mula jadi, Che'gu Rokiah akan menunjokkan dan bercherita darihal berjenis-jenis sayor berdaun.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 333.

### SELASA — 28HB APRIL

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 334.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 membuat aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, KERJA TANGAN, SI-MANIS, BOLA TUMBOK, GAMBAR DAN SEBUTAN dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan kerja tangan Che'gu Rokiah akan membuat jam tangan.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 334.

### RABU — 29HB APRIL

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 355.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BELON SI-MANIS, TUNJOK BENDA, AMINAH, BERSENAM, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok cherita Che'gu Rokiah ia-lah 'Tongkat Sakti'.

### KHAMIS — 30HB APRIL

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 336.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN KUDA, LIHAT DAN PERHATI, PETI SURAT, MENYANYI DENGAN GAYA, KAJIAN SA-MULA JADI dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan kajian sa-mula jadi, Che'gu Rokiah akan bercherita darihal kegunaan pokok kelapa kapada manusia.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 336.

### JUMAAT — 1HB MEI

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERMAIN MUSIK, LUKISAN DARI RUMAH, BERMAIN BAKUL, AMIN, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah 'Kera Menjala Buaya Mendapat'.

### SABTU — 2HB MEI

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 337.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN KERUSI, YANG MANA GANJIL, AMIN, MAIN BAKUL, MAIN BANG dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 337.

### AHAD — 3HB MEI

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti IKUT KETUA, YANG MANA GANJIL, AMINAH, BERMAIN KERUSI, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah 'Kuching yang khianat'.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 22HB APR.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 MEDITERRANEAN VENTURE
5.30 JOSIE AND THE PUSSY CATS IN OUTER SPACE
6.00 BERITA AWAL
6.05 REBECCA OF SUNNYBROOK FARM (Siri baru)
6.30 BENGKEL KANAK2
6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.35 BENGKEL KANAK2 — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DALLAS — "Start the Revolution With Me"
J. R. mengambil langkah2 untok menguatkan semula kuasa-nya dan menambahkan kekayaan-nya walau pun ia terpaksa mengubah sejarah dan melanggar undang2 tanah.
7.43 AZAN ISHA
7.47 DALLAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
9.00 TOP RANK FIGHTS OF THE 70'S
9.50 TAYANGKAN GAMBAR: "The Delphi Bureau."
11.20 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 23HB APR.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 TOM AND JERRY
6.28 MYSTERIOUS WORLD (siri baru)
6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.35 MYSTERIOUS WORLD — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE DELPHI BUREAU (Siri baru) "The White Plague Project"
7.47 THE DELPHI BUREAU — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 THREE'S COMPANY
10.00 THE OMEGA FACTOR — "After Image"
Anne meninggalkan Edinburg dan Tom pergi sa-orang diri untok menchari-nya. Tetapi terdapat beberapa pehak lain yang berminat di-belakang-nya.
10.50 GREAT WESTERN THEATRE
12.05 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 24HB APR.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL PACKAGE
5.30 SCOOBY DOO AND SCRAPPY DOO
6.00 BERITA AWAL
6.05 BISEKAN SEDAMAN
6.30 BARRIERS
6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.35 BARRIERS — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 POP IN GERMANY
7.43 AZAN ISHA
7.47 POP IN GERMANY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 SENANDONG SUKMA — (SBC)
9.00 SOAP Ep. 18
9.30 ROAD TO WEMBLEY
10.20 QUINCY — "No Where To Run"
11.10 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 25HB APR.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE MERRIE MELODIES SHOW
6.28 BEWITCHED — "Many Happy Returns"
6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.35 BEWITCHED — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MAGNUM (siri baru) "Don't Eat The Snow In Hawaii"
Magnum sa-orang detektif private yang suka berseronok, tinggal di-sebuah estet Hawaii serba mewah menjadi sasaran bagi pembunoh2 bila ia chuba mengesan pembunoh2 teman baik-nya.
7.43 AZAN ISHA
7.47 MAGNUM — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
9.20 TAYANGAN GAMBAR MELAYU
8.50 INI-LAH LAGU KU
11.10 LIFELINE DR WILSON (siri terakhir)
12.00 SIARAN TAMAT.



TAYANGAN gambar malam ini bertajok 'The Delphi Bureau' dan siri cherita ini dapat di-saksikan pada malam esok kira2 pukol 7.15 minit malam dengan tajok cherita "The White Plague Project."

## AHAD — 26HB APR.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 BRASS IN CONCERT
5.30 THE ADVENTURES OF SUPERMAN
6.00 BERITA AWAL
6.05 CHILDREN'S FEATURES — "A Hitch In Time"
6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.35 CHILDREN'S FEATURES — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK — "Dark Side"
Eksperimen2 David Banner terhadap diri-nya menemui kegagalan bila ia-nya berada dalam keadaan yang primitif pula dan bukan-nya pelarian yang di-chari-nya dari makhlok ganjil itu.
7.43 AZAN ISHA
7.47 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 THE BOSOM BUDDIES Ep. 9
9.00 REGINALS FINALS No. 1
9.45 GRANADA DRAMA — "Gossip From The Forest"
11.15 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 27HB APR.

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 SUPER SEVEN
5.35 AUDUBON WILDLIFE THEATRE "Lobster World"
6.00 BERITA AWAL
6.05 TARZAN — "The Prodigal Puma"
6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.35 TARZAN — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS — "Island Angels"
7.43 AZAN ISHA
7.47 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 THE ROAD TO WEMBLEY
9.40 DOCUMENTARY: "Mystery of the Andria Doria"
10.30 240 ROBERT — "Oil and Water"
11.15 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 28HB APR.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 AQUAMAN (siri baru)
5.30 THE SHARI SHOW
6.00 BERITA AWAL
6.05 BLAKE'S SEVEN
6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.35 BLAKE'S SEVEN — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HILL STREET BLUES — "Choice Cut"
Keadaan menjadi tegang bila orang pemuda Puerto Rico yang desak mengambil wang2 tebusan, tapi kesabaran dan sifat sefaham Furillo menyelesaikan masaalah tanpa pertumpahan darah.
7.43 AZAN ISHA
7.47 HILL STREET BLUES — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.00 BIG MOVIE: "The Ghost of Flat 401"
11.00 DICKENS OF LONDON
11.50 SIARAN TAMAT.



TOM Selleck sa-bagai Thomas Magnum dalam siri drama yang penoh dengan pergerakan bertajok "Magnum".

# *Susunan ranchangan* MINGGUAN RADIO

## Mulai dari 22hb. hingga 28hb. April 1981

### RABU

**PAGI :** 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian — dendang suria; 8.30 — Majallah radio (su); 9.00 — Lagu dan senikata; 9.30 — Permintaan pagi Rabu; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Autograph pendengar; 1.00 — Taman mekar (su); 11.30—Bingkisan tanah ayer (su). **T/HARI :** 12.00 — Rampaian tengah hari — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Penyanyi harapan; 1.30 — Hiboran menjelang rehat. **PETANG :** 2.00 — Siaran berhenti rehat. 5.00 — Pilehan irama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong asli; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM :** 7.00 — Serbanika hiboran (su); 7.30 — Majallah radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Untok belia; 9.00 — Permintaan sukaramai; 9.30 — Apa pilehan awda; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### KHAMIS

**PAGI :** 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian, dendang suria; 8.30 — Majallah radio (su); 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Rampai sari hiboran (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian London (su); 10.30 — Permintaan sukaramai; 11.30 — Ruangan ketani (su). **T/HARI :** 12.00 — Lagu2 Melayu asli — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Chitra wara (su); 1.30 — Hiboran menjelang rehat. **PETANG :** 2.00 —Siaran berhenti rehat. 5.00 — Majallah ugama/Petikan soal jawab ugama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Lagu2 nasehat; 6.00 — Siri Mukkadam, Bingkisan hari ini, menunaikan sembahyang fardhu maghrib; **MALAM :** 7.00 — Bachaan surah yassin-Tahlil/Irama dakwah; 7.30 — Bimbingan Al-Kor'an — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sandiwara radio (su); 9.00 — Tafsir Al-Kor'an; 9.30 — Hidayat; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### JUMAAT

**PAGI :** 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 6.45 — Menyanyikan lagu Kebangsaan Brunei; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian, dendang suria; 8.30 — Pertanian; 9.00 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.30 — Tafsir Al-Kor'an (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Waktu Berita; 10.15 — Soalan di-udara; 10.30 — Dari kampong ka-kampong; 11.00 — Bimbingan Al-Kor'an (su); 11.30—Keluaga jaya. **T/HARI :** 12.00 — Lagu2 Dakwah; 12.15 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Juma'at; 1.15 — Qasidah/lagu Melayu asli; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Mutiara gambus. **PETANG :** 2.13 — Membachakan susunan ranchangan; 2.15 — Varia peristewa; 2.30 — Ruangan ketani; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Apa pendapat awda/hiboran; 3.30 — Focus Radio— Azan fardhu asar; 4.00—Tunas pendidek (su); 4.30 — Chitrawara; 4.58 — Membachakan susunan ranchangan; 5.00 — Gurindam lagu; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 —Suntingan khutbah Juma'at; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM :** 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Majallah Radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (su); 9.00 — Mutika/petikan dari filem (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### SABTU

**PAGI :** 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian — dendang suria; 7.30 — Pada hemat saya—dendang suria; 8.30 — Majallah radio (su); 9.00 — Soalan di-udara; 9.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Tetamu minggu ini (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Varia peristewa (su); 10.30 — Serbanika hiboran (su); 11.00 — Focus radio (su); 11.30 — Apa pendapat awda/hiboran. **T/HARI :** Rampaian tengah hari— Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Chitra Irama; 1.30 — Lagu dan senikata. **PETANG :** 2.00 — Permintaan hujong minggu; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Hiboran pilehan; 3.30 — Cherpen dan selokan-nya — Azan fardhu asar; 4.00 — Mutiara asli; 4.30 — Pelajaran dewasa di-udara (su); 5.00 — Irama gembira; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 lama; 6.00 — Siri Mukkadam — Bingkisan hari ini — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM :** 7.00 — Mutiara gambus (su); 7.30 — Majallah radio — Azan fardhu isha; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Drama dalam shaer (su); 9.00 — Hidangan lagu2 irama hindustan; 9.30 — Titian budaya (su); 9.45—Irama keronchong; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### AHAD

**PAGI :** 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 8.30 — Majallah Radio (SU); 9.00 — Taman mekar; 9.30 — Dunia Wanita; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Doctor Radio; 10.30 — Pop minggu ini; 11.00 — Titian budaya; 11.30 — Pancharagam tempatan. **T/HARI :** 12.00 — Sandiwara Radio — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan dua station. **PETANG :** 2.00 — Membachakan susunan raschangan; 2.02 — Mutika/Petikan dari filem; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Mari berpantun—Azan fardhu asar; 3.45—Drama dalam shaer; 4.30—Sokan dan olahraga; 4.58 — Membachakan susunan ranchangan; 5.00 — Pilehan juruhebah; 5.30 —Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 gazal; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM :** 7.00 — Gurindam lagu; 7.30 — Majallah radio—Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara perajuri;t 9.30 — Permintaan lagu2 60an; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### ISNIN

**PAGI :** 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian, dendang suria; 8.30 — Majallah radio (su); 9.00 — Rampai sari hiboran; 9.30 — Dendang antarabangsa; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Sain dan perusahaan; 11.00 — Album penyanyi; 11.30 — Bingkisan tanah ayer. **T/HARI :** 12.00 — Komintar radio, 12.15 — Lagu2 rampaian — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian joget; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan sukaramai. **PETANG :** Siaran berhenti rehat. 5.00 — Hiboran pilehan; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 asli; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM :** 7.00—Penyanyi harapan; 7.30 — Tunas pendidek — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 Chitra irama (su); 9.00 — Pertanian; 9.30 — Mutiara asli (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 Suntingan hidayah; 10.07 —Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an —Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### SELASA

**PAGI :** 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian — dendang suria; 8.30 — Suara parajurit (su); 9.30 — Permintaan kaum wanita; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Rampaian London; 10.30—Autograph pendengar (su); 11.00 — Dunia wanita (su); 11.30 — Hiboran untok suri2 rumah tangga; 11.45 — Doctor Radio (su). **T/HARI :** 12.00 Hiboran tengah hari — Azan fadhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Wanita Berita; 1.00 — Tetamu minggu ini; 1.30 — Ku sampaikan salam. **PETANG :** 2.00 — Siaran berhenti rehat. 5.00 — Lagu2 nasehat; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama senja; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM :** 7.00 — Album penyanyi (su); 7.30 — Majallah radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Pancharagam tempatan; 9.00 — Keluarga jaya (su); 9.30—Permintaan sukaramai; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

## From 22nd to 28th April 1981

### WEDNESDAY

**AM :** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Ladies at Eleven by Veronica Shim. **NOON :** 12.00 — Lunch Break by Ideris Ali. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close Down. **David's Music Night :** 8.00—Opening Announcement—Bizet—Overture to "Carmen". Trhaikorsky — Piano Concerto no 1 in B flat minor introduced by Peter Meyer; 9.00 — Music from Japan, by Courtesy of NHK; 9.15 — News; 9.30 — Musical miscellany: — Chopin — Nocturnes op 37 16th and 17th Century Madrigals Beethoven Romanze in G op 40; 10.00 — Close Down.

### THURSDAY

**AM :** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Ladies at Eleven by Veronica Shim. **NOON :** 12.00 — Lunch Break by Asha Devaraj. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement Hello Tomorrow; 8.30 — Perspective; 8.45 — Noorie Paramor and the BBC Midland Radio Orchestra; 9.15 — News; 9.30 — The Big Band Sound; 10.00 — Close Down.

### FRIDAY

**AM :** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — English Examined prog 48 (repeat); 11.15 — Strictly Instrumental; 11.30 — Children's Half Hour. **NOON :** 12.00 Three Ladies In Stereo produced by Jaafar Yaakub. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — The Paramour Sound — 6/16; 1.15 — BBC Sports Magazines; 1.30 — Close Down. 8.00—Opening Announcement — Three Ladies In Stereo (repeat); 8.30 — Dateline; 9.00 — International Money Programme; 9.15—News; 9.30 — String Sound; 10.00 — Close Down.

### SATURDAY

**AM :** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Ladies at Eleven by Veronica Shim. **NOON :** 12.00 — Lunch Break by Evelyn Samuel. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Practical World; 8.15—Hits In Germany; 8.45 — "Two Away For No" by Ak Hishamuddin; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops — 854; 10.00—Close Down.

### SUNDAY

**AM :** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — We care for you by Idris Ali; 11.15 — Break For Music; 11.30 — Close Encounters of a Bookish Kind (repeat): **NOON :** 12.00 — "Two Away For No" Ak Hishamuddin. **PM :** 12.30—News; 1.00—Top of the Pops; 1.30—Close Down. **Tajul's Student Night :** 8.00—Opening Announcement—School Band On Parade; 8.15 — Tell a tale Competition produced by Veronica Shim; 8.30 — English Examined prog 49; 8.45 — Sun Poems by Gwen Goh and Sarah Watson; 9.00 — Hot Questions Cool Replies; 9.15—News; 9.30 — Science Pop; 10.00 — Close Down.

### MONDAY

**AM :** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Ladies at Eleven by Veronica Shim. **NOON :** 12.00 — Lunch Break by Ideris Ali. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — — Lunch Break (continued); 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Theatre Forty-Five : "Still Life" by Nool Coward; 8.45 — Sweet and Stylish; 9.15 — News; 9.30 — "Close Encounters of a Bookish Kind" produced by Helen Thu; 10.00 — Close Down.

### TUESDAY

**AM :** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Ladies at Eleven by Veronica Shim. **NOON :** 12.00 — Lunch Break by Asha Devaraj. **PM :** 12.30—News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close Down. **Ja'afar Pop Music Night :** 8.00 — Opening Announcement — Just For You/Quiz; 8.30 — Jazz Spot with Collin Clark; 8.45 — Just for You/Quiz; 9.00 — Rock Line; 9.15 — Pop Music From Asia; 10.00—Close Down.



ATAS kelihatan ahli2 persatuan bergambar ramai sa-tiba mereka di-daerah tersebut. Bawah kelihatan sa-bilangan dari mereka membersehkawasan Masjid Utama Muhammad Salleh Daerah Temburong.



## BAPPI lawat Temburong

TEMBURONG. — Sekumpolan 20 orang penuntut2 lelaki Badan Agama Pelajar-Pelajar Islam (B.-A.P.P.I.), Maktab S.O.A.S. telah membuat lawatan ka-sini selama tiga hari baru2 ini.

Lawatan sambil memerhati di-samping bertujuan untok menjalin hubongan persaudaraan dengan saudara2 baru Islam di-sini itu ada-lah merupakan salah satu aktiviti tahunan persatuan yang mana telah di-ketuai oleh Yang Dipertua-nya sendiri, Awang Said bin Haji Salleh bersama sa-orang guru ugama maktab.

Antara tempat2 yang sempat mereka kunjongi ia-lah kampong2 pendalaman saperti Temada, Semabat dan Sibut di-mana terdapat ramai saudara2 baru.

Semasa lawatan tersebut mereka juga telah di-raikan bersama sa-rombongan saudara2 baru dari Daerah Belait yang kebetulan mengadakan lawatan serupa oleh Bahagian Unit Gerakan Dakwah Temburong bertempat di-dewan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, Bangar.

Dalam pertemuan tersebut ahli2 badan telah juga mempersembahkan sa-buah nashid bagi memeriahkan majlis.

Di-samping itu antara kerja2 kebajikan yang sempat di-lakukan oleh kumpolan penuntut tersebut ia-lah satu kerja gotong ruyong membersehkan kawasan Masjid Utama Mohd. Salleh di-sini.

# BELIA DAN SOKAN

## CHATOR KUALA BELAIT RANCHANG LAWATAN DAN PERLAWANAN

KUALA BELAIT. — Awg Hassan bin Bakar telah di-lantek semula menjadi Pengerusi Persatuan Chator Chawangan Belait dalam satu mashuarat kali kedua yang telah berlangsong di-Kelab Ria di-sini minggu lalu.

Mashuarat yang membinchangkan berbagai aktiviti dan ranchangan persatuan juga telah menetapkan Awg Zainal Ali selaku Timbalan Pengerusi.

Setiausaha Satu bagi persatuan yang baru berusia dua tahun itu ia-lah Awg Libaha bin Haji Udin sementara Awg Sulaiman bin Haji Md Noor telah di-lantek selaku Setiausaha Dua.

Di-lantek selaku Bendahari ia-lah Awg Md Sulor bin Duba di-samping lapan orang lagi selaku ahli2 jawatankuasa.

Antara ranchangan yang telah di-putuskan akan dilaksanakan oleh persa[illegible] dalam tahun ini terma[illegible] lah menganjorkan pe[illegible] wanan tahunan antara [illegible] main2 daerah Belait [illegible] memileh wakil2 ka-[illegible] tandingan sa-negeri [illegible] akan di-adakan sem[illegible] hari Keputeraan Keb[illegible] Duli Yang Maha M[illegible] Paduka Seri Baginda [illegible] tan dan Yang Dipert[illegible]

Menurut Setiausaha [illegible] tu persatuan mereka [illegible] sekarang sedang ber[illegible] untok mengadakan pe[illegible] muan di-kalangan ah[illegible] da sa-tiap hujong mi[illegible] sa-bagai salah satu [illegible] untok meninggikan [illegible] kebolehan para pema[illegible] daerah ini.

Kata-nya, di-sam[illegible] akan giat mengad[illegible] perlawanan2 persahab[illegible] dengan pemain2 di-[illegible] daerah mereka juga [illegible] ranchang beberapa [illegible] tan sambil mengad[illegible] perlawanan2 dengan [illegible] main2 di-negeri2 jira[illegible]

## PENGAKAP PUNYA PERANAN PENTING

GADONG. — Para pengakap telah di-ingatkan yang pergerakan mereka ada-lah mempunyai erti dan peranan yang luas di-samping membimbing para belia untok mejadi pemimpin yang berguna kapada masharakat dan negera.

Demikian telah di-tegaskan oleh Pengetua Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Pengiran Haji Mohammad Zain bin Pengiran Haji Lampoh ketika beruchap merasmikan perkhemahan lima hari Pengakap Daerah Brunei Muara dan Temburong yang telah berlangsong di-tapak perkhemahan pengakap di-sini minggu lalu.

Kata-nya, pengakap ada-lah merupakan satu pertubohan yang sehat yang mana kata-nya di-mana2 sahaja mereka di-didek menanamkan semangat bertanggong-jawab terhadap Tuhan, Negara dan Masharakat-nya.

Perkhemahan tersebut ada-lah di-anjorkan oleh Persatuan Pengakap Maktab SOAS dan telah di-sertai oleh lebeh daripada 200 orang pengakap dari Sekolah Inggeris Berakas, Sekolah Menengah Melayu SMJA dan Sekolah Persediaan Inggeris Temburong.

Sa-telah upachara perasmian pada hari itu, Pengiran Haji Mohammad Zain juga telah di-hadiahkan chenderamata dari Pertubohan Pengakap yang di-sampaikan oleh Pengerusi Perkhemahan Awang Metassim bin Haji Duraman sa-belum di-bawa memerhati ka-kawasan perkhemahan.



GAMBAR atas ada-lah perlawanan perengkat awal antara Pasokan Seri Indera 'B' da[illegible] ARQUS UNITED.

## Perlawanan Chator bagi yang belum turut serta

BANDAR SERI BEGAWAN.— Persatuan Chator Kebangsaan Brunei baru2 ini telah mengumomkan yang mereka akan menganjorkan satu perlawanan chator yang terbuka kapada pemain2 yang belum pernah turut serta dalam mana2 perlawanan yang telah di-anjorkan.

Sa-orang juruchakap persatuan menyatakan yang perlawanan tersebut akan di-adakan pada 3hb. Mei depan, bertempat di-Pusat Belia di-sini dan ada-lah terbuka kapada pemain2 chator seluroh negeri.

Kata-nya, khas bagi perlawanan tersebut sa-banyak $1,000 telah di-untokkan sa-bagai hadiah untok di-menangi yang mana telah di-sumbangkan oleh The House of Champion (B) Pte Ltd, sa-buah sharikat yang menjual perkakas2 sokan.

Pemenang pertama dalam perlawanan itu nanti akan menerima hadiah sa-banyak $300.00, kedua $200.00 dan ketiga $100.00. Enam hadiah sagu hati $50.00 tiap2 sa-orang juga akan di-berikan kapada pemenang yang ke-empat hingga ke-sembilan.

Di-samping itu pehak penganjor juga menyediakan beberapa hadiah penghargaan kapada peserta2 yang berumor kabawah 14 tahun.

Borang2 yang mengandongi keterangan lanjut yang mesti di-kembalikan tidak lewat daripada 30hb. April, 1981 sekarang boleh di-perolehi daripada nama2 berikut: —

a) Awang Mohammad Asnawi bin Haji Abdul Halim di-Yunit Perancang Ekonomi.

b) Mohammad bin Haji Damit di-Radio dan Talivishen Brunei. Atau dengan menulis kapada Mohd. Ismail bin Md. Yussof beralamat P.O. Box 1335, BSB dengan menyertakan umor dan alamat.

## Perlawanan akhir Liga JKR Jun. depa[illegible]

BERAKAS. — Liga bola-sepak antara bahagian2 Jabatan Kerja Raya Brunei yang telah bermula awal bulan ini sekarang sedang berjalan lanchar.

Liga tersebut ada-lah di-anjorkan oleh Badan Kebajikan dan Sokan jabatan tersebut 'Benara' sempena memperingati Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Ia-nya ada-lah bagi merebut piala yang di-sumbangkan oleh Pengarah Jabatan Kerja Raya Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talip bin Derwish, yang mana pada tahun lalu telah di-menangi oleh Pasokan WASBS 'A'.

Perlawanan ter[illegible] kapada dua kumpo[illegible] itu 'A' dan 'B' yang [illegible] sing2 mengandongi [illegible] dan sembilan pa[illegible] Sa-takat ini sembila[illegible] lawanan di-kedua [illegible] an telah pun di-ja[illegible]

Perlawanan akh[illegible] jangka berlangso[illegible] pertengahan bulan [illegible] pan.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN KEBAJIKAN BELIA DAN SOKAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Brunei.

1. PENGAJAR KANAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil atau Diploma di-bidang perguruan atau yang sebanding dengan-nya mengajar orang2 buta dan chachat dan mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman mengajar di-bidang ini.

b) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai Diploma sabagai Guru Khas mengajar Orang2 Buta dan Chachat dari Institusi2 Pengajian yang di-akui atau di-iktiraf oleh Kerajaan, dan pemohon2 hendak-lah dari chalon2 yang telah dan sedang berkechimpong dengan perkhidmatan di-atas.

c) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 35 tahun.

C. 3 EB. 4-5—B$1735-1795-1855-1915 - 1980 / E B / 2035-2095-2155 - 2215 - 2280 - 2335-2395-2455-2515-2580. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PENGAJAR :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya 4 mata pelajaran perengkat 'O' (Brunei Cambridge) atau yang sebanding dengan-nya.

b) Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai pengalaman dan latehan dalam bidang pengajaran 'Orientation' dan 'Mobility' bagi orang2 buta, atau berpengalaman di-bidang pertukangan kayu dan lain2 kemahiran saperti membaiki injin kereta, radio dan lain2.

c) Pandai bertutor dan menulis di-dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4 — $720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. PENGUASA RUMAH BUDAK2 NAKAL :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 hendak-lah lulus sekurang2-nya satu mata-pelajaran Perengkat 'A' dan empat mata-pelajaran di-Perengkat 'O' Brunei Cambridge atau yang sebanding dengan-nya.

b) Faseh dan mahir menulis membacha serta bertutor dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

c) Chalon2 yang mempunyai pengalaman2 yang tidak kurang dari 5 tahun dalam kerja2 kebajikan atau guru terlateh atau yang sebanding dengan-nya, ada-lah di-utamakan.

d) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dan kerja2 serta urusan2 penjagaan dan pengendalian bangunan2 asrama.

e) Jawatan ini hanya terbuka kapada pemohon2 lelaki sahaja yang berumor tidak kurang dari 30 tahun.

**Tangga Gaji :**

C. 1 EB. 2 — B$1110-1155-1215 / E B / 1260-1305-1350 - 1395 - 1445 - 1495-1545-1615 - 1685. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

4. PEGAWAI ASOHAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Diploma Pengajian Sosial atau sijil penoh HSC atau pun lulus dua mata pelajaran di-perengkat 'A' dan dua mata-pelajaran di-perengkat 'O' dalam pepereksaan GCE (termasok lulus kertas 'am atau salah satu pengganti kertas 'am).

b) Chalon2 mesti-lah mempunyai kebolehan bertutor dan menulis dalam bahasa Inggeris dengan berkesan, dan mesti-lah juga boleh bertutor dalam bahasa Melayu. Kebolehan bertutor dalam bahasa/loghat2 lain merupakan satu kelebehan.

c) Chalon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 25 tahun.

d) Chalon2 yang layak untok di-pertimbangkan mengikuti perenggan (b) tetapi tidak mempunyai kelayakan2 pelajaran yang tersebut di-atas akan juga di-pertimbangkan dengan sharat mereka mesti-lah berumor tidak kurang dari 25 tahun dan mempunyai sekurang2-nya 7 tahun pengalaman dalam kerja2 kebajikan masharakat.

**Tangga Gaji :**

C. 2 EB. 3 — B$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615 - 1685 / E B / 1735-1795-1855-1915-1980.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Mei, 1981.

(E/343/81 — Bil : 55/1981)

## JABATAN KERJA RAYA PEMBERITAHUAN TAWARAN

### SERIAL No. KB. 2/1981

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas AX sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 28hb April, 1981 bagi : —

PEMBENAAN LONGKANG BERSIMIN (R.C. STORM DRAINS) JALAN SERIA/ KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB 4/1981

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas B sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 5hb Mei, 1981 bagi:—

MENGADAKAN PERABOT SELANGAN BATU KELAS III UNTOK 20 KELAMIN BARRACK BARU KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB. 5/1981

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas B sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 5hb Mei, 1981 bagi:—

MEMBERSEHKAN TEBING TANAH SA-PANJANG JALAN BOLKIAH, SERIA (MULAI DARI LORONG TIGA BARAT HINGGA KA-SUNGAI BERA).

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB. 2/1981

TENDERS will be received from Class AX only and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th April, 1981 for : —

CONSTRUCTION OF R.C. STORM DRAINS ALONG JALAN SERIA, KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB 4/1981

TENDERS will be received from Class B only and above Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 5th May, 1981 for : —

THE SUPPLY OF CLASS III SELANGAN BATU FURNITURE FOR 20 UNITS NEW BARRACK KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB. 5/1981

TENDERS will be received from Class B only and above Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 5th May, 1981 for : —

CLEANING OF EARTH CANAL ALONG JALAN BOLKIAH, SERIA (COMMENCING FROM LORONG TIGA UP TO SUNGAI BERA).

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PELAJARAN, BRUNEI

TAWARAN akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei di-Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 4.00 petang 4hb Mei, 1981.

a. Menyambong pagar dari Asrama Perempuan ka-kawasan Perumahan Guru dan balek ka-bahagian block Pentadbiran Perdana Wazir English School Kuala Belait.

b. Memasang pagar dawai 6 kaki tinggi sekeliling bangunan sekolah padang permainan dan meluaskan pagar di-belakang bangunan Sekolah2 Melayu Bendahara Sakam Bunot, Brunei.

Pemborong tempatan kelas B yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya Brunei ada-lah di-utamakan. Wang chengkeram sa-banyak $200.00 sa-bagai terohan hendak-lah di-bayar dengan cheque pada hari pendaftaran. Sa-telah di-umomkan keputusan yang berjaya, maka wang chengkeram kapada yang tidak berjaya boleh-lah di-tuntut kembali.

2. Kapada penawar yang berjaya hendak-lah bersedia memulakan kerja2 tersebut dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pemberitahuan. Tuntutan hanya akan di-bayar sa-telah mendapat sokongan dan pengesahan dari Jabatan Kerja Raya Brunei.

3. Tawaran hendak-lah di-hadapkan melalui borang2 tawaran yang boleh di-dapati dari Ibu Pejabat Pelajaran Brunei bahagian kewangan.

4. Tawaran hendak-lah di-masokkan dalam sampul surat yang bertutop rapi dan alamatkan kapada Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei saperti yang di-atas para 1. Sampul surat hendak-lah di-tulis dengan terang TAWARAN BAGI PEMBENAAN PAGAR KAWASAN SEKOLAH INGGERIS PERDANA WAZIR KUALA BELAIT DAN SEKOLAH MELAYU BENDAHARA SAKAM BUNOT, BRUNEI.

5. Nama penawar hendak-lah jangan di-tulis di-atas sampul surat dan ada-lah di-ingatkan sa-barang tawaran yang di-alamatkan dengan tidak betul tidak akan di-layani. Dalam hal ini juga Ktrajaan tidak akan terikat untok menerima mana2 tawaran yang paling rendah sekali.

## ELECTRICAL DEPT TENDER NOTICE

### TENDER No. 15/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12 noon on Tuesday, 28th April, 1981 for the following : —

ELECTRICAL INSTALLATION FOR ONE BLOCK OF FURNITURE STORE AT OLD AIRPORT ROAD, BRUNEI.

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

"TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR ONE BLOCK OF FURNITURE STORE AT OLD AIRPORT ROAD, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

## Sa-bagai Pembantu Pelateh Teknik

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pembantu Pelateh Teknik di-Jabatan Letrik, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil 823 City and Guilds atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.

ATAU

Lulus mata-pelajaran Sains dalam pepereksaan 'O' level.

Pemohon2 yang berjaya akan menjalani latehan asas di-Jabatan Letrik dan di-kehendaki juga menghadhiri kursus2 teknikal sa-chara penoh masa di-sekolah teknikal tempatan dan/atau di-seberang laut.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2 — $425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb Mei, 1981.

(E/424/80 — Bil. 56/1981)

## ROYAL BRUNEI POLICE FORCE

### TENDER NOTICE No. 5/1981

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Office, Bandar Seri Begawan, up to 4.00 p.m. on Saturday, 25th April, 1981 for the supply and delivery of the following:—

**From One (1) to Fifteen (15) units of Saloon Cars/ Station Wagons for Police Highway Patrol purposes.**

Specifications:
Right hand drive
Automatic/Manual Transmission
Petrol Engine
Colour : Police Blue.

2. For further particulars please contact the Force Procurement Officer, Police HQ, Gadong.

3. Approximate date of delivery must be stated. All prices quoted on C.I.F.

4. Tender must be placed in sealed envelope. There must be no indication on the cover of the tenderer. The cover must be addressed to : —

The Chairman,
Tenders Board,
c/o State Financial Officer,
Ground Floor,
Bandar Seri Begawan

and clearly marked:
"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE SUPPLY OF VEHICLES".

5. Any tender received in envelope not properly addressed will be rejected.

6. Government does not bind itself to accept the lowest of any tender.

## TENDER NOTICE

### SUPPLY AND INSTALLATION OF CINEMA CHAIRS FOR THE PROPOSED CINEMA/LECTURE THEATRE, BERAKAS CAMP, BRUNEI

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board, Brunei from Specialist and Local Agent of Manufacturers and Registered Public Works Department Contractor Class 'AX' and above for the above mentioned works up to 12.00 noon, 5th May 1981 (Tuesday).

2 Tender documents consisting of Bills of Quantities and ⅛" scale working drawing can be obtained from the office of Ho Kwong Yew dan Anak2 Akitek, Chartered Architects, 406, Bangunan Guru2 Melayu, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan, Brunei.

3. All other detailed drawings are displayed and can be examined at the said office.

4. The tender deposit will be Brunei $500.00 (Dollars Five Hundred Only) in the form of a "cashier's order" issued by a Bank, made payable to the Government of Brunei. The said deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and return of deposit receipt and tender drawings to the Architect's office. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender or fails to submit a bona fide tender or fails to return the Tender Documents to the Architect's office before the closing date.

5 The tender deposit will NOT be refunded to the successful tenderer, and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project vote.

6. Tenders must be submitted on the Tender Form together with the Bills of Quantities provided and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Brunei, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 5th May 1981 (Tuesday). Tenders received after the stipulated time will be rejected.

7. Tenders shall be enclosed in a plain sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderer and shall be marked clearly: — "TENDER FOR SUPPLY AND INSTALLATION OF CINEMA CHAIRS FOR THE PROPOSED CINEMA/LECTURE THEATRE, BERAKAS CAMP, BRUNEI."

8. Our Client, the Government of Brunei, does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## SUPPLY AND INSTALLATION OF SUSPENDED CEILING FOR THE LOGISTICS DEPOT AT THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT, BERAKAS CAMP

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00, noon on Tuesday, 28th April, 1981 for : —

SUPPLY AND INSTALLATION OF SUSPENDED CEILINGS FOR THE LOGISTICS DEPOT AT THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT BOLKIAH CAMP.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders are to be placed in a sealed envelope bearing no indication of the name and address of the tenderer, marked clearly "TENDER FOR SUPPLY AND INSTALLATION OF SUSPENDED CEILINGS FOR THE LOGISTIC DEPOT AT THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT BOLKIAH CAMP.

4. Tender Documents may be obtained from the office of Ho Kwong Yew dan Anak2, Chartered Architects, Room 406, Bangunan Guru2 Melayu Brunei, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan, during normal working hours, no documents will be handed out after 24th April, 1981.

5. The Tender Deposit will be $500.00 which will be refundable to each unsuccessful tenderer but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.

6. Tenders shall be submitted only on the Form of Tender provided.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN KEBAJIKAN BELIA DAN SOKAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Brunei.

1. PEKERJA KANAN KEBAJIKAN MASHARAKAT:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a. Lulus dua mata-pelajaran di-perengkat 'A' dan empat mata-pelajaran di-perengkat 'O' Brunei Cambridge atau yang sebanding dengan-nya. Chalon2 mesti-lah mempunyai kebolehan bertutor dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan berkesan serta mesti-lah boleh bertutor dalam satu atau lebeh daripada satu bahasa/loghat.

b. Chalon2 mesti-lah lulus Bahasa Melayu perengkat menengah.

c. Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan akademik yang di-sebutkan di-atas juga akan di-pertimbangkan jika chalon2 ini mempunyai pengalaman sekurang2-nya tujoh tahun di-bidang kerja2 Kebajikan Masharakat dan sukarela.

d. Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untok berkhidmat di-mana2 daerah dalam negeri ini.

**Tangga Gaji:**
C.2 EB.3—$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615-1685 / E B / 1735 - 1795-1855-1915-1980.
Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PENYELIA RUMAH2:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a. Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya empat mata-pelajaran Perengkat 'O' Brunei Cambridge atau yang sebanding dengan-nya.

b. Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai kebolehan bertutor lebeh dari satu bahasa/loghat sa-lain daripada Bahasa Melayu.

c. Bagi chalon2 yang tidak mempunyai kelulusan akademik di-atas juga akan di-pertimbangkan jika mempunyai pengalaman2 di-dalam bidang penjagaan asrama dan pengawalan penghuni2-nya.

d. Jawatan ini hanya terbuka kapada pemohon2 lelaki sahaja yang berumor tidak kurang dari 35 tahun.

**Tangga Gaji:**
D. 3 EB. 4 — $720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175
Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. WARDEN:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a. Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya empat mata-pelajaran Perengkat 'O' Brunei Cambridge atau yang sebanding dengan-nya.

b. Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai kebolehan bertutor lebeh dari satu bahasa/loghat sa-lain daripada Bahasa Melayu.

c. Bagi chalon2 yang tidak mempunyai kelulusan akademik di-atas juga akan di-pertimbangkan jika mempunyai pengalaman2 di-bidang pengawalan dan pengawasan asrama2 serta aktiviti2-nya.

d. Jawatan ini hanya terbuka kapada pemohon2 lelaki sahaja yang berumor di-antara 30-40 tahun.

**Tangga Gaji:**
D. 3 EB. 4 — $720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070-1105-1140-1175.
Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

4. PENOLONG WARDEN:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a. Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya tiga mata-pelajaran Perengkat 'O' Brunei Cambridge atau yang sebanding dengan-nya.

b. Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai kebolehan bertutor lebeh dari satu bahasa/loghat sa-lain daripada Bahasa Melayu.

c. Bagi chalon2 yang tidak mempunyai kelulusan akademik di-atas juga akan di-pertimbangkan jika mempunyai pengalaman2 di-bidang pengawalan dan pengawasan asrama2 serta aktiviti2-nya.

d. Jawatan ini terbuka kapada pemohon lelaki dan wanita yang berumor di-antara 30-40 tahun.

**Tangga Gaji:**
D.2 EB. 3 — $515-535-555-580-605-630-655/EB/720-755-790-825-860-900. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

5. ATENDAN RUMAH KEBAJIKAN:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a. Pemohon2 sekurang2-nya tahu menulis dan membacha dengan berkesan.

b. Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 25 tahun.

c. Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok bertugas mengikut kerja bergilir2 (shift duty).

**Tangga Gaji:**
F. 3-4-5 EB. 6 — $430-440-450-460-470-490-500-510-520-530-540-560/EB/570-580-590-600-610-620.

6. PENOLONG PENGAWAS PERSATUAN2 BELIA/KEBAJIKAN:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a. Mesti-lah berumor di-antara 25 tahun hingga 40 tahun.

b. Pemohon2 mesti-lah lulus dalam pepereksaan G.C.E. Perengkat Biasa atau yang sebanding dengan-nya.

c. Pemohon2 yang mempunyai kelayakan akademik yang rendah, pengalaman ada-lah di-utamakan dan hendak-lah berkhidmat tidak kurang dari lima tahun dalam kerja2 dan pengendalian pergerakan persatuan2 Belia dan Kebajikan.

d. Pemohon2 hendak-lah mengetahui perjalanan2 dan pergerakan2 persatuan2 Belia dan Kebajikan pada masa ini.

e. Pemohon mesti-lah boleh bertutor dan menulis dalam Bahasa Inggeris dan Melayu dengan baik.

**Tangga Gaji:**
C. 1 EB. 2 — $1110-1155-1215 /EB/ 1260 - 1305 - 1350 - 1395-1445-1495 - 1545 - 1615 - 1685.

7. PENOLONG PEGAWAI ASOHAN:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a. Chalon2 sekurang2-nya lulus Brunei Cambridge atau yang sebanding dengan-nya.

b. Chalon2 mesti-lah mempunyai kebolehan bertutor dan menulis dalam bahasa Inggeris dengan berkesan, serta boleh bertutor dalam satu atau lebeh daripada satu bahasa/loghat.

c. Chalon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 25 tahun dan mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman dalam bidang Kebajikan, Belia dan Sokan atau bidang pengajaran.

d. Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan2 akademik saperti di-atas juga akan di-pertimbangkan, jika chalon2 itu berumor tidak kurang dari 25 tahun dan sekurang2-nya mempunyai tujoh tahun pengalaman di-bidang kerja2 kebajikan masharakat.

**Tangga Gaji:**
D. 3 EB. 4 — $720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010 - 1040-1070-1105-1140-1175.
Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

8. PENJAGA BILEK BACHAAN/PERPUSTAKAAN:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a. Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 dan 25 tahun telah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya.

b. Dapat membacha dan menulis Jawi dengan baik.

**Tangga Gaji:**
E. 1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

9. PENYELAMAT:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a. Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 25 tahun.

b. Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya.

c. Pemohon2 mesti-lah pemegang Bronze Medallion Royal Life Saving Society, United Kingdom.

d. Chalon2 yang tidak mempunyai kelulusan tersebut di-atas juga akan di-pertimbangkan jika chalon2 ini ada-lah sa-orang pemegang Bronze Medallion R.L.S.S. United Kingdom.

**Tangga Gaji:**
E. 1-2-3 EB. 4 — $410-450-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 23hb Mei, 1981.

(E/607/79 — Bil: 58/1981)

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

### TAWARAN BAGI MEMBUAT PONDOK BAS DAN MENYIMEN BAHAGIAN BAWAH PONDOK BAS DAERAH TUTONG

PEMBORONG2 atau Sharikat2 yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya ada-lah di-pelawa untok membuat pekerjaan yang tersebut di-atas.

Sharat2 penentuan (specification) bagi membuat kerja ini boleh di-perolehi di-Pejabat Daerah Tutong pada masa2 waktu pejabat di-buka.

Semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-alamat, Pejabat Kewangan, Bandar Seri Begawan dan hendak-lah di-masokkan kadalam sampol surat dengan di-tulis: —

TAWARAN BAGI MEMBUAT PONDOK BAS DAN MENYIMEN BAHAGIAN BAWAH PONDOK BAS DAERAH TUTONG.

Semua tawaran hendak-lah sampai kapada Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei tidak lewat daripada hari Khamis, 30hb April, 1981 jam 4.00 petang.

## KENYATAAN TAWARAN MEMBUAT RUMAH PENAIKAN TANAH PERKUBORAN HALANGAN DAN LIMBONGAN

PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa menghadapkan tawaran mereka bagi membuat lima buah rumah penaikan di-tanah perkuboran tersebut di-atas.

2. Sharat2 pekerjaan ada-lah saperti berikut: —

a) Panjang 15 kaki dan lebar 12 kaki.

b) Jambatan: Panjang 6 kaki dan lebar 4½ kaki.

c) Satu buah bangku berukoran saperti dalam plan.

d) Atap hendak-lah menggunakan zing No. 28.

e) Rumah penaikan ini hendak-lah di-chat dengan warna puteh.

f) Jenis kayu dan lain2 yang berhubong dengan-nya hendak-lah mengikut sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam plan.

g) Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran mengenai-nya.

3. Pekerjaan tersebut di-atas pehak pemborong di-kehendaki menghadapkan tawaran2 harga dan tempoh pekerjaan itu dapat di-siapkan.

4. Surat tawaran hendak-lah di-alamatkan kapada Pengerusi Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan di-Bangunan Setia Usaha Kerajaan, dan nyatakan di-atas sampol surat "TAWARAN MEMBUAT RUMAH PENAIKAN" tidak lewat 25hb April, 1981 jam 12.00 tengah hari, dan tawaran yang di-terima sa-lepas tarikh tersebut tidak akan di-pertimbangkan.

5. Keterangan lanjut mengenai pekerjaan tersebut pehak pemborong boleh-lah berhubong terus kapada Pengelola Tanah2 Perkuboran Islam di-Jabatan Hal Ehwal Ugama tingkat bawah bilek No. 101 pada bila2 masa waktu pejabat di-buka.

6. Wang deposit mengenai perkara ini hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama (Bahagian Kewangan) tingkat satu (1) mengikut kadar yang di-tentukan ia-itu sa-banyak $200.00 pada bila2 masa waktu pejabat di-buka sa-hingga jam 3.00 petang.

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTIC

### No. 38 OF 1981

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th April, 1981 for: —

PROPOSED INSPECTION SHEDS AND EXTENSION TO OFFICE AT LAND TRANSPORT DEPARTMENT, KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 39 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th April, 1981 for: —

CONSTRUCTION OF A 3-STOREY 12 CLASSROOMS SCHOOL BLOCK AND ANCILLARY WORKS AT KOLAH MELAYU SUNGAI HANCHIN JALAN MUARA, BRUNEI.

Tender documents an particulars may be seen a office of Public Works De ment, Bandar Seri Be Brunei.

### No. 40 OF 1981

TENDERS will be re from Class "A" only P. Brunei registered contra by Tenders Board, Brun to noon on 5th May, for: —

CONSTRUCTION O PROPOSED NEW GENERAL HOSPITA STAFF HOUSING A KIULAP, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents an particulars may be seen a office of Public Works De ment, Bandar Seri Be Brunei.

## B.S.P. TENDER NOTICE NO. SSU 7/

Item 1: ONE LOT APPROX 37 JOINTS PIPES.
20 Jt 42" Dia of assorted lengths.
17 Jt 46½" Dia of assorted lengths.

Item 2: ONE LOT APPROX 13 JOINTS PIPES.
1 Jt 16" Dia × + 40'
1 Jt 18" Dia × + 40'
10 Jt 24" Dia × + 40'
1 Jt 30" Dia × + 30'

Item 3: ONE LOT APPROX 53 JOINTS PIPES, 3 PI CHANNEL IRON AND 50 PIECES AN IRON.
3 Jt 4" Dia × + 40' Pipes
3 Jt 5" Dia × + 10' "
3 Jt 6" Dia × + 40' "
2 Jt 7" Dia × + 40' "
1 Jt 8" Dia × + 15' "
5 Jt 8" Dia × + 40' "
26 Jt 8⅝" Dia × + 30' "
4 Jt 10" Dia × + 40' "
4 Jt 12" Dia × + 40' "
1 Jt 13" Dia × + 25' "
1 Jt 17" Dia × + 15' "
50 Pc 2" × 2" × 40' ANGLE IRON
1 " 8" × 3" × + 40' CHANNEL IRO
1 " 9½" × 3½" × + 40' "
1 " 10" × 2½" × + 40' "

Item 4: ONE LOT SHORT PIECES/DETERIORA CABLES AND COPPER WIRE.

Note: Above items may be viewed at SSU Main Ya Seria.

### TERMS OF TENDERING

1. Tenders shall be deemed to be irrevocable and op acceptance by the Company for a period of fourtee from the closing date.
2. All tenderers should enclose a copy of their Banker stating that the amount he is bidding could be paid w ten days after the receipt of the COMPANY's w notice.
3. The items to be sold are sold on an "as is' 'where i and the successful tenderer must: —
   a) sight inspect the item prior to submitting the
   b) pay to the COMPANY the total sum tender within 10 calendar days after receipt of the C PANY's written notice.
   c) remove the materials entirely at his own ex within four working days after payment oth the COMPANY will treat this tender nul void, and or charge rent at the rate B$500. day.
4. The COMPANY further reserves the right: —
   d) To refuse to accept any or all tenders subm and
   e) To withdraw any or all the items before accep of any tender's offer.
5. The COMPANY accepts no liability whatsoever fo sale of the above materials/equipment, which is sold su to faults and defects, if any, and without any conditi warranty as to the quality and fitness for purpose req or otherwise. A letter of indemnity signed by the purc will be required by the COMPANY before relea goods.
6. In most cases the items to be sold may be viewed o working day on application to: —
   Brunei Shell Petroleum Company Limited.
   Supplies Department
   Local Market Development and Disposal Se
   SERIA.
   (SSU-15, Tel. No. NIA 536 or 403)
7. The closing date for receipt of Tenders shall be 8.0 on 4th May, 1981. Tenders should be addressed in envelopes to: —
   Brunei Shell Petroleum Company Limited.
   Supplies Department,
   SERIA.
   "Endorsed: B.S.P. Tender Notice No. SSU 7/81".
8. The submission of a tender shall be deemed to co acceptance by the Tenderers of all the terms of te set out herein.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sa-bagai Penolong Pegawai Pepereksaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penolong Pegawai Pepereksaan di-Pejabat Lembaga Pepereksaan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan sekurang2-nya 4 mata-pelajaran Sijil 'Am Pelajaran Brunei Cambridge/London G.C.E. Perengkat Biasa dalam sekali dudok pepereksaan tersebut dan mendapat pangkat lulus dalam mata-pelajaran Bahasa Inggeris dan Melayu atau telah mendapat Sijil Penoh Cambridge School Certificate/Malaysian Certificate of Education (M.C.E. aliran Inggeris) dan mendapat pangkat lulus dalam Bahasa Inggeris. Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama 5 tahun dalam perkhidmatan Kerajaan.

b) Mempunyai kelulusan Sijil Pepereksaan Perdagangan Perengkat Tertinggi dalam pelajaran Menaip dan Trengkas; mempunyai Sijil Perguruan dan pernah dilateh menjadi pemarkah dalam pelajaran perdagangan oleh mana2 Kementerian Pelajaran.

c) Mempunyai pengalaman dalam pemarkahan Pepereksaan Sijil Perdagangan Brunei sa-lama dua tahun dan mempunyai pengalaman dalam menyediakan kertas soalan bagi pepereksaan yang tersebut (sebutkan butir2 pengalaman itu).

d) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang boleh menguasai dua bahasa ia-itu Melayu dan Inggeris.

**Tugas2:**

Chalon2 yang berjaya dikehendaki membantu Pegawai Pepereksaan untok mengelolakan pentadbiran pepereksaan awam yang di-kelolakan oleh badan2 pepereksaan luar negeri (United Kingdom; Singapura dan lain2) termasok urusan surat menyurat dalam bahasa Inggeris dengan badan2 yang tersebut, dan untok mengendalikan Pepereksaan Sijil Perdagangan Brunei.

**'Am:**

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untok bertugas pada bila2 masa di-luar waktu pejabat, termasok kerja2 rengan dan berat.

**Tangga Gaji:**

T. 3 — $1240-1280 - 1320 - 1360-1400-1450 - 1500 / E B / 1560-1620-1680-1740-1800.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 2hb Mei, 1981.

(E/1366/76)
(Bil: 45/1981)

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR RENOVATION AT BOLKIAH CAMP FOR WOMEN COMPANY ACCOMMODATION

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' or 'B' Electrical Contractors up to 12.00 noon, 28th April 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED RENOVATION AT BOLKIAH CAMP FOR WOMEN COMPANY ACCOMMODATION."
4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, F12, Seri Temasek, Seri Shopping Complex, Begawan, Brunei from 11th Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 15th April 1981 onwards during normal office hours.
5. The Tender Deposit shall be B$500.00 (Brunei Dollars Five Hundred Only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have returned the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' or 'B' Electrical Contractor.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## SUCCESSFUL TENDERS

1. Supply of portable lubricating equipment — Hock Hung Hing Auto Co — $207,655 — 8-14 months.
2. Supply of one truck-mounted refuse collector — Econ Motors — $95,000.
3. Police tender for outboard engines — Pusat Johnson — 140 HP — $5,190; 85 HP — $4,190; 40 HP — $1,490; 25 HP — $1,130.
4. Bolton Hennessey Cogan tender for civil engineering works — Phase II for Government Office Complex, Old Airport — Messrs Wong Hee Kee Const — $2,989,962.10 — 52 weeks.
5. Tutong District tender for disposal of obsolete vehicles etc — Lim Teck Liong — $4,080.
6. Adat Istiadat tender for repair of chairs — Fashion Furniture and Manufacturing Co — $11.50 each — 2 months.
7. Sabah Akitek tender for PSC Building, Old Airport — Tobishima Corporation — $16,582,954.23.
8. District Office Temburong tender for two units 3-ton refuse collectors — Econ Motor — One KM500E single cab — $55,600; One KM504E double cab — $66,500.
9. Renovation of foam mattresses, pillows and cushions for one year — Lee Fatt Tailor.
10. Construction of RC retaining wall at Istana Darul Hana — Messrs Central Development Limited — $540,758.90 — 6 months.
11. Akitek Bersatu tender for Army Works Seria — Ketua Contractors — $1,143,272.30 — 9 months.
12. Ho Kwong Yew tender for supply of acoustic doors for Pipe Band Block, Tutong Camp — Mentiri Trading Company — $18,946.
13. Ho Kwong Yew tender for renovations at Women's Company Accommodation, Bolkiah Camp — Lim Brothers Construction Company — $1,699,597.25.
14. RBMR tender for supply of desks and chairs — Messrs Fashion Furniture Mfg — $9,850 — 2 months.
15. Fire Brigade tender for appliances:
    1. 4 Lacon Ladder — Guthrie Sdn Bhd — $8,250 each
    2. 3 Godiva GPA Pump — Malayan Elec Co — $51,750.00 each
    2 Godiva GPC Pump — Malayan Elec Co — $14,552.00 each.
    3. 4 Long Shaft outboard engine — 115 hp — Sh Ching Tian — $4,500 each.
    4. 1800 US gallon foaming compound — Brusia Corporation — $31.00 per gallon AFFF type.
16. Construction of SM Apak-Apak — Messrs Mohd Zain bin Serudin — $93,240.
17. Cable laying and splicing in West Exchange Area — Malbrun Engineering Ltd — $105,635.25.
18. Ho Kwong Yew tender for administration block, Police Hqts, Gadong — Tobishima Corporation — $5,898,095.70. — 18 months.
19. RBMR tender for supply of Melamine items — Boon Lian Import & Export Co — $3,266.43.
20. Electrical installation at Religious School, Kg Lorong Dalam — Lobi Elec & Eng Co — $44,872.

## KURSUS2 DI-PUSAT LATEHAN KESENIAN DAN PERTUKANGAN TANGAN, BRUNEI

PEMOHON2 ada-lah di-pelawa untok mengikuti kursus2 yang tersebut di-bawah di-Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan Tangan, Brunei dan mereka yang mempunyai kelayakan dan sharat2 di-bawah ini akan di-pertimbangkan:

(1) KURSUS PERTUKANGAN PERAK — LELAKI DAN PEREMPUAN.
(2) KURSUS PERTUKANGAN TEMBAGA — LELAKI
(3) KURSUS TENUNAN — PEREMPUAN
(4) KURSUS ANYAMAN/SONGKOK — PEREMPUAN

**Kelayakan2**

(i) Hendak-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I Melayu atau yang sebanding dengan-nya.
(ii) Keutama'an akan di-beri kapada mereka yang lulus dalam mata2-pelajaran Ilmu Hisab dan Lukisan.
(iii) Jika sa-orang pemohon tidak memenohi sharat (i) dan (ii) boleh-lah di-pertimbangkan.

**Sharat2:**

(a) Hendak-lah terdiri daripada raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.
(b) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon yang berumor di-antara 17 hingga 30 tahun dan maseh bujang.
(c) Pemohon2 yang di-pertimbangkan akan di-pileh menerusi satu temuduga.
(d) Pemohon2 yang berjaya hendak-lah terlebeh dahulu lulus pepereksaan doktor.
(e) Satu Perjanjian akan di-kenakan kapada sa-tiap pemohon yang berjaya dalam mengikuti kursus ini.
(f) Pemohon2 akan di-kehendaki mengikuti latehan sa-hingga mendapat kemahiran dalam tempoh waktu lebeh kurang dua (2) tahun.
(g) Apabila mendapat kemahiran pelateh2 akan dikehendaki menjadikan pertukangan ini sa-bagai salah satu mata pencharian mereka.

**Alaon dan Lain2 Kemudahan**

(a) Sa-masa dalam latehan pemohon2 yang berjaya akan di-beri alaon sa-banyak $290.00 sa-bulan serta 10 peratus net profit daripada harga hasil2 mereka yang di-beli oleh Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan Tangan.
(b) Tempat tinggal, kenderaan dan lain2 lagi tidak di-sediakan kapada pemohon2 yang berjaya.

**Borang Permohonan**

Permohonan2 hendak-lah di-buat dalam borang yang boleh di-dapati dari Pejabat Muzium, Kota Batu, Brunei pada bila2 masa waktu Pejabat di-buka dan hendak-lah di-kembalikan dan sampai kapada Pengarah Muzium2, Brunei selewat2-nya pada 13hb Mei, 1981.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

## INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for:

2. TENDER No. SES/49/81
   CATEGORY 10
   Resurfacing of roads at Seria Terminal Complex and Panaga Housing area.
2. TENDER No. SES/59/81
   CATEGORY 4 & 7
   Construction of Power Plant Arch and Head Office Facade for His Highness The Sultan's birthday celebration.
3. TENDER No. LEN/73/81
   CATEGORIES 6 & 32
   Installation of chlorination facilities for Trains 1-4 as detailed in Specification No. FP-9106.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN
### LEMBAGA BANDARAN B.S.B. BRUNEI

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa untok membekalkan kenderaan2 bagi kepunyaan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan.

Membekalkan CIF Brunei:—

i) Two (2) units Refuse Collector Truck 4-5 ton capacity.
ii) One (1) unit Truck—Mounted Refuse Collector 6-7 ton capacity.
iii) One (1) unit Wheel-Loader.
iv) One (1) unit Tractor with bulldozer.
v) Four (4) units wheel Tractor.
vi) Fifteen (15) units Refuse—Collector Trailer Type.
vii) Two (2) units Long Wheel base Truck 2 ton load.
viii) Four (4) units Tipper Truck 5 ton capacity.

2. Keterangan lanjut mengenai dengan penantuan2 (specifications) bagi kenderaan ini boleh-lah di-dapati dari Pejabat Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei pada bila2 masa pejabat di-buka.
3. Tawaran2 hendak-lah dimasokkan dalam sampul surat yang bertutop dan alamatkan kapada Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei di-alamat Jabatan Kewangan Negara, Brunei dengan terang di-nyatakan 'Membekalkan Kenderaan Untok Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan' dengan tidak ada tanda2 yang menunjokkan nama2 penawar di-sampul surat itu. Dan tawaran2 itu hendak-lah di-hantar tidak lewat ada 28hb April, 1981 jam 12.00 tengah hari. Tawaran2 yang di-terima lewat pada tarikh dan waktu yang di-tetapkan di-atas tidak akan di-layan.
4. Wang chengkeram sabanyak $200.00 hendak-lah di-bayar kapada Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan pada bila2 masa pejabat di-buka.
5. Sharikat2 yang menghantar tawaran mereka ada-lah di-kehendaki menghantar catalogue (gambar) jenis kenderaan tersebut yang ditawarkan berserta dengan butir2 berikut:—
   i) Tarikh sampai.
   ii) Harga CIF Brunei.
   iii) Lama dalam jaminan.
   iv) Lain2 hal, jika ada.
6. Kerajaan tidak akan terikat untok menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.

## B.S.B. TENDER NOTICE NO. 6/81

Item 1: One Unit Launch "PAPAU".

**SPECIFICATIONS**

Name of Vesel: PAPAU, Port of Registry: Miri.
Registered No.: M1-221, Date built: May 1971.
Classification Society: Marint Department Sarawak.
Shipyard: Vosper Thornycroft Singapore.
No. Crew: 4, No. Pax: 12.
Dimensions L.O.A.: 55′00″, L.B.P.: 52′ 1.8″.
Beam: 13′ 6″, Depth moulded: 6′ 5.2″.
Draft Light F: 3′2″ A 4′2″ Loaded: —
Displacement Light: 30.0 Tons Loaded: —
Tonnage Cross: 25.39, Reg.: 0.84.
Speed Cruising: 11 Knots, Range: 528 Miles.
Fuel Consumption: 12.5 GLS/H, Capacity: 600 Glns.
Portable water capacity: 200 GLS.
Main engine make: Caterpillar D333C, B.H.P.: 380.
Generators make: 240 Volt Flyweight Dieselite MK3 Battery Charger + "Petter" Diesel.
Pumps make: Jabsco (General Service + Fire Pump) Flomax (Bilge Pump).
Propellors: Two Dia. 36″ Pitch 26″
Cargo Deck Area: Length 12′ 3″ Width 11′ 6″.

Note: Item may be viewed at Marine Department (SMR/21) Kuala Beiait.

### TERMS OF TENDERING

1. Tenders shall be deemed to be irrevocable and open for acceptances by the Company for a period of thirty days from the closing date.
2. All tenderers should enclose a copy of their Bankers letter stating that the amount he is bidding could be paid within ten days after the receipt of the COMPANY's written notice.
3. The items to be sold are sold on an "as is' 'where is' basis and the successful tenderer must: —
   a) sight inspect the item prior to submitting the bid.
   b) pay to the COMPANY the total sum tendered for within ten calendar days after receipt of the COMPAN'Ys written notice.
   c) remove the materials entirely at his own expense within four working days after payment otherwise the COMPANY will treat this tender null and void, and or charge rent at the rate B$500.00 per day.
4. The COMPANY further reserves the right: —
   a) To refuse to accept any or all tenders submitted, and
   b) To withdaw any or all the items before acceptance of any tenderer's offer.
5. The COMPANY accepts no liability whatsoever for the sale of the above materials/equipment, which is sold subject to faults and defects, if any, and without any condition or warranty as to the quality and fitness for purpose required or otherwise. A letter of indemnity signed by the purchaser will be required by the COMPANY before release of goods.
6. In most cases the items to be sold may be viewed on any working day on application to: —
   Brunei Shell Petroleum Company Limited,
   Supplies Department,
   Local Market Development and Disposals Section,
   SERIA. (SSU/15 Tel. No. NIA 536 or 403).
7. The closing date for receipt of Tenders shall be 8.00 a.m. on 18th May, 1981. Tenders should be addressed in sealed envelopes to: —
   The Chairman,
   Contracts Board,
   B.S.P. Co. Ltd.,
   Seria,
   State of Brunei.
   "Endorsed: B.S.P. Tender Notice No. SSU 6/81"
8. The submission of a tender shall be deemed to constitute acceptance by the Tenderer of all the terms of tendering set out herein.

## Pemborong2 Bumiputera di-seru:

# BERGIAT LEBEH POSITIF LAGI DLM LAPANGAN INDUSTRI PEMBENAAN



Awang Zakaria bin Dato Paduka Haji Nordin

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemborong2 bumiputera di-seru supaya bergiat lebeh positif lagi dalam lapangan industri pembenaan dengan meningkatkan lagi pengalaman, peranchangan, perlaksanaan serta organisasi dan perjalanan projek.

Kebanyakan pemborong2 bumiputera di-Brunei pada masa ini hanya bergiat sa-chara kechil2an dan tidak berapa mampu untok ikut serta dalam projek pembenaan yang besar yang telah dan sedang dilaksanakan.

Gesaan tersebut telah di-suarakan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Kerja Raya Awang Zakaria bin Dato Paduka Haji Nordin, ketika menyampaikan cheramah-nya di-Bilek Taklimat Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, kapada sa-kumpolan mengandongi 30 orang pemborong bumiputera, di-sini Khamis lepas.

Dari itu, jelas beliau lagi industri pembenaan pada masa ini dan pada masa lepas terpaksa-lah bergantong kapada pemborong2 yang bukan bumiputera baik dari dalam dan dari luar negeri.

Menurut beliau, Jabatan Kerja Raya telah, sedang dan akan mengendalikan beberapa projek pembangunan saperti pembenaan masjid2, sekolah2, perumahan, kerja2 membuat jalan2 baru, longkang dan sebagai-nya, yang mana sa-bahagian dari kerja2 tersebut di-serahkan kapada pemborong2 dan dari sini-lah juga pemborong2 bumiputera dapat memainkan peranan yang penting.

Bagaimana pun, masaalah yang di-hadapi oleh pemborong2 bumiputera pada masa ini antara-nya ia-lah kekurangan pengalaman dari segi kewangan, peranchangan, perlaksanaan, organisasi dan perjalanan projek, tegas-nya.

Kata-nya, dari perkara2 yang tersebut, timbul pula masaalah keupayaan untok mendapat jentera2, perkakas pembenaan dan penggunaan tenaga buroh dan lain2. Sekira-nya hal ini, tidak dapat di-baiki oleh pemborong2 bumiputera sendiri, maka barang sudah tentu pemborong2 bumiputera akan terus tertinggal mengejar kemajuan.

Beberapa masaalah, chadangan dan kesulitan2 pemborong2 bumiputera telah di-kemukakan di-akhir cheramah beliau oleh pemborong2 bumiputera pada hari itu.

## Lawatan Diraja N. Sembilan

Dari muka 1

Baginda Sultan, YAB Menteri Besar Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abd. Momin, YB Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, YAM Pengiran2 cheteria, ahli2 YB serta ketua2 jabatan.

YAM Tunku Laksamana beserta rombongan Diraja telah berada di-sini sejak hari Khamis lalu dalam rangka lawatan rasmi sa-lama tiga hari ka-Brunei.

Di-hari pertama lawatan itu, YAM Tunku Laksamana, Tunku Naquiyuddin telah mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di-Istana Darul Hana.

## Musabaqah Al-Kor'an AMDB

Dari muka 1

wakil dari Battalion Pertama.

Antara jemputan khas yang menghadhiri majlis itu ia-lah Timbalan Pemerentah Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Dato Seri Pahlawan Kolonel Haji Mohammad bin Haji Mohd Daud, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, isteri Penasehat Umom Kebawah DYMM serta pegawai2 kanan rejimen AMDB.

Musabaqah yang berlangsong pada malam itu telah di-mulakan dengan bachaan Al-Kor'an oleh Leftenan Haji Ibrahim bin Ahmad, kemudian di-ikuti dengan uchapan alu2an oleh Pengerusi Peraduan, Kaptan Ramli bin Kampong. Majlis itu juga telah di-serikan dengan persembahan nashid oleh ahli2 Pusat Latehan. — JAL.

## *Juara MUTIKA 1981*



Dayang Haslinda



Dk Faridah

BANDAR SERI BEGAWAN. —Dayang Haslinda bte Mohd Taib dari Daerah Brunei-Muara telah munchol sa-bagai juara MUTIKA 1981 dengan mengalahkan sembilan orang peserta yang lain.

Beliau akan mewakili Negeri Brunei ka-pertandingan Nyanyian Amatur Asia yang akan di-langsongkan di-Hongkong kelak yang juga akan di-sertai oleh 11 buah negara termasok Brunei.

Tempat kedua di-menangi oleh Dayangku Faridah bte Pg Damit dari Daerah Belait sementara tempat ketiga dimenangi oleh Dayang Sa'adiah bte Haji Ghazali dari Daerah Tutong.

Dengan kemenangan-nya itu, Dayang Haslinda telah berjaya merebut Piala Pusingan yang telah di-hadiahkan oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah disamping hadiah wang tunai sa-banyak $1,500.00.

## Mashuarat Sharikat Kerjasama Nelayan

PENANJONG. — Shari Kerjasama Nelayan Kampo Penanjong, Daerah Tuto telah mengadakan mashua agong kali pertama yang lah di-langsongkan di-Ba Raya sini pada 10hb Ap yang lalu.

Mashuarat tersebut te di-rasmikan oleh Pemang Pesurohjaya Kemajuan Ker sama, Awang Mahmud Ha Bakyr.

Pada tahun kewangan ya berakhir pada 31hb Dise ber, 1980, ahli2 sharikat i telah dapat memasarkan ik tangkapan mereka mela sharikat ini yang bernilai l beh 39 ribu ringgit.

## Ta'un di-Sadong, Sarawak

BANDAR SERI BEGAWAN.—Ulu Sadong, Serian, di-Bahagian Kuching, Sarawak, Malaysia Timor, telah pun di-istiharkan dijangkiti oleh Ta'un pada 1hb April 1981. Semua kapal2 yang datang ka-perayeran Brunei dari Ulu Sadong, Serian, Bahagian Kuching sa-chara langsong atau melalui pelabohan2 perantaraan akan di-asingkan dalam satu tempat.

Tidak ada perhubongan langsong akan di-buat dengan satu2 kapal yang terasing, terkechuali dengan pegawai2 Kerajaan yang sedang bertugas, sa-hingga ia akan di-benarkan oleh Pegawai Kesihatan Pelabohan.

Semua orang2 yang dibawa dalam kapal itu dan pegawai2 Kerajaan yang naik ka-dalam kapal itu salepas sahaja ia masok kaperayeran2 Brunei hendaklah tinggal dalam kapal itu sa-hingga ia di-bebaskan, atau di-beri kebenaran sachara bertulis untok meninggalkan kapal itu oleh Pegawai Kesihatan Pelabohan.

## *Pergerakan Pasokan Beruniform melahirkan masharakat bersatu-padu*

JALAN MUARA.— Tiga prinsip yang menjadi dasar dalam pergerakan beruniform pasokan kadet pulis saperti yang telah di-sarankan oleh Jabatan Pelajaran apabila ianya di-tubohkan pada awal tahun 1977.

Menegaskan demikian, Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat menjelaskan, pertama untok meningkatkan pengetahuan tata tertib sivik di-kalangan penuntut2 supaya menjadi manusia yang bertanggong-jawab terhadap negara serta menggalakkan mereka memberi khidmat kapada masharakat.

Kedua, untok memupok minat penuntut2 pada meningkatkan kegiatan2 luar sekolah terutama apabila mereka telah meninggalkan bangku sekolah.

Ketiga, untok memimpin penuntut2 dan keluarga mereka supaya sentiasa berhubong rapat dengan pehak pulis. Dengan demikian, kata Pengarah Pelajaran, dapat mengeratkan rasa tanggong-jawab demi untok menegakkan peratoran2 dan undang2 bagi kestabilan serta keharmonian bermasharakat.

Beruchap demikian di-Peraduan Kawad pasokan kadet2 pulis seluroh negeri yang di-adakan di-Padang Kawad Pusat Latehan Pulis pada hari Ahad lepas, Awang Haji Ahmad berkata, "Kegiatan2 pasokan beruniform ini di-anggap mustahak untok membentok watak (character building) bagi memupok rasa chinta dan kaseh sayang kapada bangsa, tanah ayer dan kerajaan di-kalangan penuntut2."

Sa-lain daripada itu, kata-nya, pergerakan beruniform di-sekolah2 dan maktab2 memang selaras dengan kehendak2 pembangunan bangsa dan pembentokan watak dalam masharakat kita hari ini.

Menurut Pengarah Pelajaran seterus-nya dalam usaha untok melahirkan masharakat yang bersatu padu bahawa kegiatan2 pasokan beruniform merupakan satu saloran yang tepat. Matalamat ini memang jelas terkandong dalam karikulum dan sistem pendidekan negara.

"Oleh kerana itu, usaha ini perlu-lah di-teruskan dan di-memepatkan lagi supaya lebeh berkesan dan dapat diperchepatkan," saran beliau.

Sebab itu, tenaga raayat yang di-perlukan dalam negara kita yang sedang membangun ini, menurut beliau, hendak-lah di-lihat dan dinilai dari segi akhlak yang mulia, berdisiplin, bersik jujor serta dedikasi terhad tugas2 mereka. Namun d mikian, beliau tidak mena kan tentang penting-nya il pengetahuan yang berbila jenis serta kemahiran2 sa- orang.

Tetapi, untok kepenting pembangunan negara seluro nya maka tenaga raayat ya sangat di-perlukan ada-l yang di-lahirkan dari siste pendidekan negara ada-l yang selaras dengan pe bangunan kemanusiaan, teg nya.

## Chator gerak chepat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Chator Negeri Brunei akan mengadakan satu perlawanan chator gerak chepat. Ia-nya akan berlangsong pada 26hb April, 1981 hari Ahad, jam 9.00 pagi bertempat di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan, Brunei. Perlawanan itu akan di-adakan sa-banyak tujoh pusingan sahaja.

Kapada semua pemain2 chator yang berminat untok menyertai perlawanan tersebut ada-lah di-kehendaki mendaftarkan nama masing2 satengah jam sa-belum perlawanan di-mulakan. Pemenang2 akan menerima hadiah wang tunai.

Perlawanan chator gerak chepat ini ada-lah satu kegiatan yang di-adakan tiap2 dua bulan sekali.



KELIHATAN Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Aw Haji Ahmad sedang menyampaikan hadiah trophi pusing yang telah di-rebut oleh Pasokan Kadet Sekolah Meneng Chung Hwa, Bandar Seri Begawan, yang telah menyand johan pertandingan kawad.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.